

LAPORAN
TAHUNAN
2024

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA



Cetakan Pertama 2025

© Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM)
2024

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM).

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan Laporan
Tahunan LHDNM 2024

KANDUNGAN

1 Perutusan	1	5 Teras Strategik	46
Perutusan Pengerusi Anggota Lembaga LHDNM	2	6 Pencapaian 2024	68
Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif LHDNM	6	7 Bantuan Khas Kerajaan	76
2 Sekilas Sejarah dan Latar Belakang	10	8 Anugerah dan Pengiktirafan	88
3 Profil Korporat	16	9 Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR)	96
Profil	18	10 Penyata Kewangan	106
Fungsi	19	11 Laporan Prestasi Kewangan	168
Kuasa	20	12 Direktori	174
Budaya Korporat	21		
Nilai Teras	22		
Piagam Pelanggan	24		
Tema Tahunan	25		
Anggota Lembaga	26		
Pengurusan Atasan	27		
Carta Organisasi	28		
4 Penyataan Tadbir Urus Korporat	30		
Tadbir Urus Korporat	32		
Anggota Lembaga	33		
Pengurusan Integriti	35		
Pengurusan Risiko	38		
Kawalan Dalaman	43		



Rasional Kulit Buku

Reka bentuk kulit Laporan Tahunan 2024 Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) menampilkan estetika moden yang sederhana namun bermakna. Gabungan rona biru dan ungu membawa simbolik ketenangan, kebijaksanaan dan kepercayaan yang mencerminkan nilai perkhidmatan dan tanggungjawab LHDNM terhadap negara, sekaligus membina keyakinan rakyat terhadap integriti dan keberkesanan institusi.

Gaya dan sentuhan ilustrasi ibu pejabat LHDNM dalam bentuk seni garisan menyerlahkan lagi citra organisasi yang bukan sahaja kukuh, progresif tetapi sentiasa memandang ke hadapan. LHDNM akan terus beradaptasi dengan perubahan, mendepani inovasi dan memperkukuhkan keutuhan integriti biar apa sahaja cabaran mendatang. Tera air di latar belakang menambah elemen segar dan optimistik, sekaligus menzahirkan tenaga dan semangat warga kerja yang sentiasa komited untuk memberikan yang terbaik dan optimum.

Keseluruhannya, rekaan ini bukan sekadar hiasan muka hadapan, tetapi manifestasi aspirasi LHDNM untuk terus memperkukuhkan kepercayaan rakyat dan sistem percukaian negara bersama-sama demi memacu kemakmuran Malaysia dulu, kini dan selamanya.



1 *Perutusan*

Perutusan

Pengerusi Anggota Lembaga LHDNM

Tahun 2024 – Memacu Keutuhan dalam Era Transformasi

Tahun 2024 menyaksikan Malaysia terus melangkah ke hadapan menghadapi cabaran global yang kompleks dan dinamik. Di tengah transformasi pesat dunia yang dipacu teknologi, ketidaktentuan ekonomi dan geopolitik, negara kekal tekad untuk bukan sekadar bertahan, tetapi terus maju dan berdaya saing.

Berpandukan kerangka Ekonomi MADANI, kerajaan terus merangka dasar dan strategi bagi memperkukuh asas ekonomi negara. Tumpuan diberikan kepada pembaharuan struktur, pendekatan inklusif yang memanfaatkan rakyat, serta pemerkasaan pembangunan mampan, pelaburan berimpak tinggi, pendigitalan ekonomi dan keseimbangan kebajikan sosial ke arah mencapai kemakmuran bersama.

Ketahanan Ekonomi Menjana Kemakmuran MADANI

Tahun 2024 juga mencerminkan komitmen kerajaan dalam memperkukuh tadbir urus fiskal, menambah baik perkhidmatan awam, serta meningkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan.

Penekanan terus diberikan ke atas keseimbangan antara kemajuan ekonomi dan kesejahteraan rakyat. Dalam suasana global yang masih dibayangi ketidaktentuan, ekonomi negara kekal berdaya tahan, dengan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) mencatatkan pertumbuhan memberangsangkan sebanyak 5.1%, meningkat daripada 3.6% pada tahun sebelumnya. Nilai KDNK pada harga semasa mencapai RM1.93 trilion, manakala pada harga malar (2015) berjumlah RM1.65 trilion.





Inisiatif transformasi digital termasuk pelaksanaan e-Invois telah berjaya meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan dan memperkukuh ketelusan dalam pengurusan hasil negara. Usaha ini mencerminkan komitmen LHDNM dalam menyokong nilai kepercayaan dan kemajuan seperti yang digariskan dalam kerangka Ekonomi MADANI.



Sejarah turut tercipta apabila negara merekodkan pelaburan yang diluluskan sebanyak RM378.5 bilion, jumlah tertinggi pernah dicapai. Selain itu, nilai pasaran ekuiti domestik melepasi RM2 trilion, sementara Indeks Bursa FBM KLCI kembali melepasi 1,600 mata mencerminkan sentimen positif terhadap ekonomi negara.

Keupayaan negara untuk mengekalkan kadar inflasi rendah pada 1.8% dan menarik pelaburan asing bernilai berbilion ringgit daripada syarikat gergasi global mencerminkan keyakinan pelabur terhadap dasar fiskal dan tadbir urus ekonomi Malaysia.

Kesemua pertumbuhan ini didorong oleh permintaan domestik yang stabil disokong dengan kebijaksanaan kerajaan dalam mengurus dasar monetari dan fiskal yang mampan.

LHDNM Terus Gah di Persada

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) terus memainkan peranan utama dalam menyediakan dana untuk pelaksanaan dasar pembangunan oleh Kerajaan. Tahun 2024, LHDNM telah melakar sejarah baharu apabila berjaya merekodkan jumlah kutipan cukai langsung tertinggi sejak penubuhannya. Ini mencerminkan kepercayaan rakyat terhadap sistem percukaian dan keberkesanan pentadbiran LHDNM.

Selaras dengan komitmen terhadap tadbir urus yang berkesan, LHDNM terus memperkukuh amalan pengurusan berteraskan ketelusan, integriti dan akauntabiliti yang tinggi. Tahun 2024 menyaksikan pelaksanaan beberapa inisiatif penting, termasuklah penambahbaikan Rangka Kerja Tadbir Urus Percukaian Korporat (TCGF) dan pelancaran Fasa 2 Program Tadbir Urus Percukaian (TCG). Usaha ini bertujuan memperkukuh tadbir urus cukai dan meningkatkan pematuhan dalam kalangan syarikat korporat.

Inisiatif transformasi digital termasuk pelaksanaan e-Invois telah berjaya meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan dan memperkukuh ketelusan dalam pengurusan hasil negara. Usaha ini mencerminkan komitmen LHDNM dalam menyokong nilai kepercayaan dan kemajuan seperti yang digariskan dalam kerangka Ekonomi MADANI.

Menghayati nilai ihsan dan kemampanan, LHDNM terus meluaskan program pendidikan cukai, pemerksaan komuniti dan jangkauan strategik bagi memperkukuh kesedaran rakyat terhadap tanggungjawab fiskal. Pendekatan ini bukan sahaja memperkasakan pematuhan sukarela secara menyeluruh, tetapi juga membina budaya pematuhan yang mampan dari akar umbi bagi menjamin kelangsungan sumber hasil negara di masa hadapan.

Prospek dan Cabaran

Meskipun berdepan dengan ketidaktentuan ekonomi global, tahun 2025 tetap memberi harapan dan prospek pertumbuhan yang positif dengan unjuran Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNGK) antara 4.5% hingga 5.5%. Pertumbuhan ini dijangka akan dipacu oleh permintaan domestik yang kukuh, pemulihan prospek eksport dan pelaburan berterusan dalam teknologi dan ekonomi hijau, pertumbuhan pesat sektor perkhidmatan, pembuatan berteknologi tinggi dan pelancongan.

Berdasarkan pembentangan Belanjawan 2025, kerajaan mengunjurkan kutipan hasil negara meningkat sebanyak 5.5% kepada RM339.7 bilion bagi tahun 2025, berbanding RM322.1 bilion pada tahun sebelumnya. Sebahagian besar dari jumlah ini tentunya akan disumbangkan daripada hasil cukai langsung.

Namun, dalam usaha mencapai prospek ini, fungsi percukaian yang efektif, efisien dan dinamik bukan sahaja akan menyumbang dengan signifikan kepada pendapatan negara, tetapi juga memberikan asas kepada perancangan fiskal yang mampan dan inklusif.

Pengurusan percukaian yang berkesan, tepat dan adil menjadi penentu dalam memastikan sumber kewangan negara mencukupi untuk pelbagai inisiatif kerajaan. Ia membantu membiayai projek pembangunan, memberi sokongan kepada sektor-sektor yang terjejas akibat krisis global dan memperkukuh daya saing negara dalam arena antarabangsa. Malah, sistem percukaian yang efisien dapat meningkatkan kepercayaan pelabur serta memberi ruang dan insentif kepada perniagaan dalam sektor-sektor strategik.

Berasaskan prinsip kebersamaan dan keadilan, kita mampu memastikan pertumbuhan ekonomi yang mampan dan saksama. Dengan tekad dan iltizam yang tinggi, kita akan terus mara menyesuaikan diri dengan perubahan persekitaran global yang semakin mencabar demi memastikan pembangunan ekonomi dan kesejahteraan rakyat kekal terpelihara.

Aspirasi dan Penghargaan

Aspirasi kerajaan untuk masa depan adalah jelas: kita bertekad untuk terus membina ekonomi yang berdaya tahan, inklusif dan lestari, berdasarkan prinsip Ekonomi MADANI yang mengutamakan kesejahteraan rakyat.

Justeru, berlandaskan iltizam terhadap tadbir urus yang cekap, telus dan amanah, marilah kita melangkah bersama membina sebuah negara yang bukan sahaja maju dan berdaya tahan, tetapi juga unggul dalam nilai, tatasusila dan tanggungjawab bersama.

Dengan penuh rasa bangga, saya ingin merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada setiap pasukan Kementerian Kewangan, Anggota Lembaga, Pengurusan Tertinggi LHDNM dan seluruh warga kerja LHDNM yang telah memberikan komitmen luar biasa dalam mencapai kecemerlangan sepanjang laluan. Kejayaan kita adalah hasil kerja keras dan kerjasama yang tidak ternilai, mengukuhkan lagi komitmen dan dedikasi semua pihak dalam mendokong hasrat dan aspirasi kerajaan.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada setiap Hasilian yang telah meletakkan kepentingan rakyat sebagai keutamaan dalam setiap tugas yang dilaksanakan. Sumbangan anda menggambarkan nilai kesetiaan dan integriti tertinggi dalam mengangkat mutu perkhidmatan awam ke tahap yang lebih baik.

Penghargaan tertinggi saya tujukan kepada semua pembayar cukai yang telah memainkan peranan yang amat penting dalam menjayakan pembangunan negara. Setiap sumbangan anda, tidak kira besar atau kecil, memberi impak yang luar biasa dalam memperkukuh kewangan negara. Komitmen dan kepercayaan anda membolehkan kerajaan merancang dan melaksanakan pembangunan demi kebaikan semua rakyat Malaysia.

Marilah kita teruskan kecemerlangan ini dengan semangat yang tidak pernah pudar. Terima kasih kepada semua yang telah memberikan sokongan tanpa henti.

YBhg. Datuk Johan Mahmood Merican

Pengerusi Anggota Lembaga LHDNM



Statistics

Day **Week** Month Year
January March **April** May

Total Balance
\$20,000

Income
\$1,200

Expense
\$1,000

Perutusan

Ketua Pegawai Eksekutif LHDNM

Tahun 2024 memperkukuh lagi kedudukan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) sebagai institusi utama dalam ekosistem fiskal negara yang memainkan peranan strategik dalam memastikan kelestarian hasil dan kecekapan tadbir urus sistem percukaian.

Alhamdulillah, syukur atas limpah kurnia dan izin-Nya, Laporan Tahunan LHDNM bagi tahun 2024 berjaya diterbitkan mengikut perancangan. Laporan Tahunan 2024 ini bukan sekadar dokumentasi prestasi tahunan, tetapi cerminan kepada komitmen berterusan LHDNM dalam menggalas tanggungjawab sebagai pemungut utama hasil cukai langsung negara.

Penerbitan ini merakamkan perjalanan strategik LHDNM dalam mendokong usaha kerajaan memperkukuh ekonomi negara, mempercepat transformasi digital serta memastikan pemulihan pasca pandemik yang berterusan. Dalam mendepani cabaran ekonomi global serta keperluan terhadap tadbir urus yang lebih telus dan berkesan, LHDNM terus komited untuk berkhidmat dengan penuh integriti dalam memperkukuh sistem percukaian negara dan menyumbang ke arah kemakmuran Malaysia.



Pencapaian LHDNM Tahun 2024

Ketidaktentuan pasaran komoditi, inflasi yang masih menekan, serta ketegangan geopolitik di Eropah Timur dan Asia Barat terus memberi impak kepada kestabilan ekonomi global. Di peringkat domestik, Malaysia turut menghadapi cabaran dalam mengekalkan momentum pertumbuhan, terutamanya tekanan inflasi, kenaikan kos sara hidup, kekurangan tenaga kerja dalam sektor utama dan kesan penyasaran subsidi secara berperingkat.

Walaupun berdepan cabaran, langkah-langkah pemulihan kerajaan termasuk sokongan khusus kepada sektor-sektor strategik telah mempercepatkan pemulihan industri tempatan. Inisiatif ini, disokong oleh dasar percukaian yang lebih adil, bertujuan mengurangkan kesan cabaran global, memperkukuh daya saing negara, serta memastikan pertumbuhan ekonomi yang mampan dan inklusif pada masa hadapan.

Tahun 2024 menandakan satu lagi pencapaian penting buat LHDNM, apabila organisasi ini berjaya merekodkan kutipan cukai langsung tertinggi dalam sejarah negara berjumlah RM184.81 bilion. Peningkatan sebanyak RM1.47 bilion atau 0.80% berbanding tahun 2023 ini mencerminkan keberkesanan strategi pematuhan dan pentadbiran cukai yang dilaksanakan, serta komitmen teguh seluruh Keluarga LHDNM dalam memastikan kelestarian hasil negara.

Prestasi kutipan ini dipacu oleh beberapa komponen utama, dengan Cukai Syarikat menjadi penyumbang terbesar sebanyak 53.46% (RM98.8 bilion), diikuti oleh Cukai Individu sebanyak 25.32% (RM46.79 bilion) dan Cukai Petroleum sebanyak 11.27% (RM20.83 bilion).

Selain itu, Duti Setem mencatatkan kutipan sebanyak RM10.45 bilion atau 5.65%, manakala Cukai Pegangan menyumbang 2.32% atau RM4.28 bilion. Cukai Keuntungan Harta Tanah pula merekodkan kutipan sebanyak RM2.51 bilion atau 1.35%. Selebihnya, lain-lain komponen cukai langsung menyumbang 0.62% atau RM1.15 bilion kepada jumlah keseluruhan kutipan cukai langsung bagi tahun 2024.

Imbasan Strategi LHDNM

Pencapaian LHDNM tahun 2024 tentunya diilhamkan oleh kebijaksanaan pasukan LHDNM dalam merangka, menjayakan dan melaksanakan setiap strategi dengan penuh dedikasi, inovasi dan komitmen tinggi demi memastikan keberhasilan misi organisasi.

LHDNM telah melaksanakan strategi yang lebih bersasar dan berimpak tinggi serta sejajar dengan realiti ekonomi semasa. Pendekatan penguatkuasaan dan pematuhan strategik telah diujicuba semula bagi

meningkatkan keberkesanan serta memaksimumkan pemulihan hasil negara. Aktiviti siasatan ditumpukan kepada siasatan sivil dan tindakan pematuhan yang bersasar. Penubuhan empat pasukan petugas khas (task force) iaitu audit, pematuhan strategik, undang-undang dan debit cukai telah memperkukuh mekanisme kawalan serta meningkatkan kadar pematuhan cukai dalam pelbagai segmen ekonomi.

Pendekatan ini merangkumi pemantauan yang lebih rapi terhadap ketidakpatuhan cukai, pelaksanaan audit berasaskan risiko, serta tindakan siasatan yang lebih menyeluruh terhadap kes-kes pelarian dan pengelakan cukai. Kesemua langkah ini dilaksanakan dengan penuh integriti, profesionalisme dan berlandaskan prinsip kedaulatan undang-undang demi memastikan sistem percukaian negara terus dihormati dan dipatuhi.

Transformasi percukaian dan infrastruktur digital juga terus diperkasa melalui pelaksanaan sistem e-Invois secara berfasa serta penambahbaikan berterusan terhadap Portal MyTax. Inovasi dan produk digital baharu terus dibangunkan bagi mamacu kecekapan pentadbiran cukai, menggalakkan budaya pematuhan melalui pendekatan bersepadu dan inovatif serta memperluas capaian perkhidmatan yang lebih mesra pengguna, telus dan responsif kepada keperluan pembayar cukai.

Budaya pematuhan terus disemai dan diperkukuh dari peringkat akar umbi, melalui inisiatif pendidikan, literasi cukai, pelbagai program libat urus dan kolaborasi dengan agensi awam, badan korporat, pemain industri dan rakan strategik LHDNM. Selain itu, pelaksanaan pendaftaran automatik Nombor Pengenalan Cukai (TIN) kepada warganegara berumur 18 tahun ke atas membentuk asas kukuh kepada sistem percukaian masa hadapan.

Dalam masa yang sama, LHDNM turut mempergiat pelaksanaan Tatakelola Korporat Cukai (Tax Corporate Governance) bagi memastikan amalan pengurusan cukai yang berintegriti dan beretika dalam kalangan syarikat.

Di samping itu, LHDNM terus menekankan tadbir urus yang cekap dan mengamalkan budaya integriti dan inovasi sebagai asas kepada pengurusan organisasi yang cemerlang. Semua strategi ini telah memberi impak positif kepada kutipan hasil negara, sekaligus membuktikan bahawa LHDNM berada di trajektori yang tepat dalam mendokong agenda pembangunan ekonomi mampan dan berdaya tahan.

Mengukir Kejayaan, Menerajui Kecemerlangan

Tahun 2024 menyaksikan LHDNM menerima pelbagai anugerah dan pengiktirafan berprestij yang menggambarkan kecemerlangan serta komitmen berterusan organisasi dalam pengurusan percukaian. Pengiktirafan ini merentasi pelbagai bidang dan diterima daripada pelbagai pihak, termasuk agensi awam, badan korporat dan komuniti, antaranya:

- Sijil Ketua Audit Negara yang membuktikan rekod kewangan dan kawalan dalaman LHDNM berada pada tahap cemerlang, sejajar dengan prinsip tadbir urus korporat yang baik;
- Anugerah *Most Impactful Public Sector Agency Driving Digital Adoption (MyTax)* Peringkat Persekutuan sebagai pengiktirafan terhadap kejayaan strategik LHDNM memacu transformasi digital dalam sektor percukaian negara;
- Pengiktirafan Inovasi dan Transformasi Digital bagi sistem percukaian berasaskan teknologi terkini yang mempertingkatkan keberkesanan kutipan hasil dan kemudahan pengguna;
- Anugerah MFPC *Excellence in Financial Planning Advancement* di bawah kategori Community Engagement and Positive Impact oleh Malaysian Financial Planning Council (MFPC) sebagai pengiktirafan terhadap usaha berterusan LHDNM dalam memperkasa masyarakat melalui program literasi cukai dan kesedaran kewangan yang inklusif;
- Anugerah berprestij *Human Resources Excellence Awards 2024*, mengiktiraf kejayaan LHDNM dalam memperkukuh pembangunan modal insan;
- Anugerah Winner – *Transformative Agency of The Year*, pengiktirafan berprestij atas kejayaan luar biasa LHDNM memacu transformasi menyeluruh di sektor awam;
- Gred Cemerlang bagi Audit Pemeriksaan Tempat Kerja oleh Occupational Safety and Health Workplace Assessment (OSHWA), mengiktiraf tahap pematuhan tinggi terhadap piawaian keselamatan dan kesihatan pekerjaan (OSH) di premis kerja; dan
- Anugerah Khidmat Bakti – Kategori Pemegang Taruh Organisasi, tanda penghargaan atas sumbangan berterusan LHDNM dalam menyokong program pembangunan pelajar, pendidikan literasi kewangan, serta inisiatif kemasyarakatan yang memperkukuh hubungan antara institusi pendidikan dan agensi awam.



RM 184.81 Bilion



RM 183.34 Bilion

Pencapaian ini bukan sahaja mengukuhkan reputasi LHDNM sebagai agensi berwibawa, malah menjadi pemangkin kepada usaha berterusan dalam mempertingkatkan sistem percukaian yang inklusif, efisien dan berdaya saing.

Menelusuri Inovasi, Memperkasa Ekspektasi

Tahun 2024 menjadi bukti kejayaan bersama dalam memperkukuh sistem percukaian negara. Kejayaan pelaksanaan inisiatif nasional seperti e-Invois dan transformasi digital bukan sekadar kemajuan teknologi, malah cerminan kepercayaan rakyat terhadap kredibiliti dan kemampuan LHDNM mentadbir sistem percukaian negara.

Kejayaan tahun 2024 haruslah kita jadikan landasan kukuh untuk memperoleh pencapaian yang lebih gemilang pada masa hadapan. Dengan tekad, iltizam dan usaha berterusan, LHDNM komited untuk mencapai sasaran kutipan cukai langsung tahun 2025, selaras dengan aspirasi organisasi dalam memperkukuh kewangan negara.

Setinggi-tinggi penghargaan saya rakamkan kepada para pembayar cukai yang terus menunaikan tanggungjawab mereka dengan penuh integriti. Sumbangan anda adalah asas kepada pembangunan yang inklusif dan mampan.

Ucapan terima kasih juga kepada Menteri Kewangan, pasukan Kementerian Kewangan, Pengerusi Anggota Lembaga, barisan Anggota Lembaga, Pengurusan Tertinggi LHDNM serta seluruh Hasilian yang sentiasa komited dan bersatu hati dalam menjayakan agenda percukaian negara.

Meraikan tema "*Escalate The Passion*", marilah kita terus melonjakkan semangat, memacu inovasi dan memperkukuh kepercayaan rakyat demi masa hadapan negara yang lebih makmur dan sejahtera.

Demi Negara | Untuk Rakyat | Oleh Hasilian

YBhg. Datuk Dr. Abu Tariq Jamaluddin

Ketua Pegawai Eksekutif LHDNM





2 *Sekilas Sejarah dan Latar Belakang*

Ordinan Cukai Pendapatan 1947

Berdasarkan kepada kertas laporan yang dikemukakan oleh Mr. R. B. Heasman, Rang Undang-Undang Cukai Pendapatan digubal dan dikemukakan kepada *Advisory Council* dalam tahun 1947. Objektif utama cadangan ini adalah untuk mencapai pengagihan beban cukai yang lebih adil, di samping mendapatkan hasil tambahan.

Hampir kesemua ahli *Advisory Council* membantah keras cadangan Rang Undang-Undang pelaksanaan cukai ke atas pendapatan itu. Walau bagaimanapun, pada Disember 1947, Gabenor telah menggunakan kuasa veto yang ada, bagi meluluskan Rang Undang-Undang Cukai Pendapatan tersebut untuk dilaksanakan di seluruh negeri di Tanah Melayu melalui Ordinan Cukai Pendapatan 1947 (No. 48 of 1947).

Maka, **cukai pendapatan mula diperkenalkan di Persekutuan Tanah Melayu mulai 1 Januari 1948.**

Ordinan ini diguna pakai sehingga tahun 1966 apabila Akta Cukai Pendapatan 1967 diperkenalkan dan berkuatkuasa mulai tahun 1967, berdasarkan kepada aktiviti percukaian yang terbit dalam tahun taksiran 1966.

Akta Cukai Pendapatan 1967 ini menggabungkan Ordinan Cukai Pendapatan 1947 yang berkuatkuasa di Semenanjung Tanah Melayu, Ordinan Cukai Pendapatan 1956 yang berkuatkuasa di Sabah dan Ordinan Hasil Dalam Negeri 1960 yang berkuatkuasa di Sarawak pada ketika itu.



Pejabat Cukai Pendapatan

Pada 1 November 1948 dengan rasminya, Pejabat Cukai Pendapatan telah ditubuhkan. Pada awal penubuhannya, ia diketuai oleh Mr. R.B. Heasman, yang ketika itu dikenali sebagai Pengawal Besar (Comptroller General). Pengawal Besar ini dilantik untuk mentadbir cukai bagi dua (2) buah negara iaitu Persekutuan Tanah Melayu dan Singapura.

Pejabat Cukai Pendapatan ini terletak di Bangunan Suleiman, Kuala Lumpur, dan diuruskan oleh enam (6) orang kakitangan yang terdiri daripada seorang Pengawal Besar, seorang Timbalan Pengawal Besar, seorang kerani am perkhidmatan, dua (2) orang jurutrengkas dan seorang peon.

Selain Pejabat Cukai Pendapatan yang terletak di Tanah Melayu ini, terdapat juga satu lagi Pejabat Cukai Pendapatan yang dibuka di London, England.

Fungsi pejabat tersebut adalah untuk menaksir dan mengutip cukai bagi pihak Persekutuan Tanah Melayu daripada individu dan syarikat yang bermastautin di United Kingdom (UK). Fungsi pejabat ini adalah berterusan dari tahun 1948 sehingga ke tahun 1968. Tahun 1968 adalah tahun terakhir, di mana Pejabat Cukai Pendapatan London ini mengendalikan cukai individu dan syarikat yang bermastautin di UK.

Pada tarikh 1 November 1948 ini juga, Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) pertama kali dikeluarkan. Sebanyak 60,000 BNCP telah dihantar kepada pembayar cukai yang berpotensi pada November dan Disember 1948, serta pada awal bulan 1949. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 51,000 BNCP telah dikembalikan oleh pembayar cukai.



Jabatan Cukai Pendapatan

Pada tahun 1949, nama Pejabat Cukai Pendapatan telah ditukar kepada Jabatan Cukai Pendapatan (JCP). Mulai tahun 1949 hingga 1957, JCP diketuai oleh beberapa Pengawal Besar.

Senarai Pengawal Besar Jabatan Cukai Pendapatan



Bilangan pegawai yang berkhidmat juga telah bertambah daripada 48 orang pegawai pada tahun 1949 kepada 622 orang pegawai pada tahun 1958.

Jabatan Hasil Dalam Negeri (JHDN)

Pada tahun 1957, nama Jabatan Cukai Pendapatan telah ditukar kepada Jabatan Hasil Dalam Negeri (JHDN). Pertukaran nama JCP ini juga melibatkan pertukaran gelaran bagi Pengawal Besar kepada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri. Pada masa tersebut, Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri adalah Mr. R.F. White. Ketika itu, JHDN telah mula beroperasi dengan empat (4) cawangan di seluruh negeri. Empat (4) cawangan tersebut terletak di Pulau Pinang, Ipoh, Seremban dan Kota Bharu.

Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri juga telah beberapa kali bertukar ganti dari tahun 1960 hingga 1996 sebelum JHDN dilembagakan. Nama Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri dari 1960 hingga 1996 adalah seperti yang berikut :

Senarai Mantan Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri



L.A. Varty
15 Januari 1965 – 13 Januari 1967



YBhg. Tan Sri Lim Leong Seng
14 Januari 1967 – 13 Jun 1971



YBhg. Tan Sri M.S. Sundram
14 Jun 1971 – 31 Ogos 1976



Eu Boon Hor
1 September 1976 – 30 Jun 1980



Y.M. Raja Dato' Seri Abdul Aziz bin Raja Salim
1 Julai 1980 – 31 Mei 1990



YBhg. Tan Sri Dato' Abu Bakar bin Mohd Noor
1 Jun 1990 – 31 Mei 1996

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM)

Pada 1 Mac 1996, JHDN telah dilembagakan dan mula dikenali sebagai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM). LHDNM ditubuhkan berikutan daripada cadangan Kerajaan untuk memperbadankan JHDN semasa Pembentangan Belanjawan pada tahun 1993. Penubuhan LHDNM adalah susulan daripada berkuatkuasanya Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995 (Akta 533).

Pada 6 Januari 2015, LHDNM telah menjadi sebuah Badan Berkanun Disingkang Saraan dan Dibebaskan (BBDSB), di mana LHDNM mempunyai kuasa autonomi dari segi pengurusan kewangan dan sumber manusia. Walau bagaimanapun, penetapan dan penggubalan dasar percukaian negara terus kekal di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan Malaysia.

Senarai Ketua Pegawai Eksekutif/ Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri



YBhg. Dato' Mohd Ali bin Hassan
Pengerusi Eksekutif
(1 Mac 1996 – 31 Julai 1997)



YBhg. Datuk Najirah binti Mohd Tassaduk Khan
Ketua Pengarah JHDN
(1 Jun 1996 – 31 Julai 1997)
Ketua Pegawai Eksekutif
(1 Ogos 1997 – 31 Julai 2000)



YBhg. Tan Sri Dato' Zainol Abidin bin Abd. Rashid
Ketua Pegawai Eksekutif/
Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri
(1 Ogos 2000 – 18 Oktober 2006)



YBhg. Tan Sri Hasmah binti Abdullah
Ketua Pegawai Eksekutif/
Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri
(19 Oktober 2006 – 7 Januari 2011)



YBhg. Kolonel (K) Tan Sri Datuk Wira Dr. Hj. Mohd Shukor bin Hj. Mahfar
Ketua Pegawai Eksekutif/
Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri
(8 Januari 2011 – 11 Disember 2016)



YBhg. Dato' Sri Dr. Sabin bin Samitah
Ketua Pegawai Eksekutif/
Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri
(12 Disember 2016 – 18 Oktober 2021)



YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Nizom bin Sairi
Ketua Pegawai Eksekutif/
Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri
(19 Oktober 2021 – 16 Disember 2023)



YBhg. Datuk Dr. Abu Tariq bin Jamaluddin
Ketua Pegawai Eksekutif/
Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri
(17 Disember 2023 – sekarang)





3 *Profil Korporat*



Profil



Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) adalah salah satu agensi utama di bawah Kementerian Kewangan yang bertanggungjawab memungut dan mentadbir cukai langsung negara.

LHDNM ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995 dan akta ini memperuntukkan LHDNM bertindak sebagai ejen kerajaan untuk memungut cukai dan memberi perkhidmatan dalam pentadbiran, penaksiran, pemungutan dan penguatkuasaan pembayaran Cukai Pendapatan, Cukai Pendapatan Petroleum, Cukai Keuntungan Harta Tanah, Cukai Duti Setem dan lain-lain hasil cukai yang dipersetujui oleh Kerajaan dengan LHDNM.

Dahulu dikenali sebagai Jabatan Hasil Dalam Negeri Malaysia (JHDNM), ia diperbadankan pada 1 Mac 1996 dan dikenali sebagai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM).

Agensi ini bertanggungjawab bagi keseluruhan pentadbiran cukai langsung di bawah akta berikut:

- 1 **Akta Cukai Pendapatan 1967;**
- 2 **Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967;**
- 3 **Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976;**
- 4 **Akta Penggalakan Pelaburan 1986;**
- 5 **Akta Setem 1949; dan**
- 6 **Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990.**

Fungsi



- 1 Untuk bertindak sebagai ejen Kerajaan dan memberi perkhidmatan dalam pentadbiran, penaksiran, pemungutan dan penguatkuasaan pembayaran cukai pendapatan, cukai pendapatan petroleum, cukai keuntungan harta tanah, duti harta pusaka, duti setem dan apa-apa cukai lain sebagaimana yang dipersetujui antara Kerajaan dengan Lembaga.
- 2 Untuk menasihati Kerajaan mengenai perkara-perkara yang berhubungan dengan percukaian dan menghubungi Kementerian dan badan berkanun yang sewajarnya mengenai perkara-perkara tersebut.
- 3 Untuk turut serta di dalam atau di luar Malaysia berkenaan dengan perkara-perkara yang berhubungan dengan percukaian.
- 4 Untuk melaksanakan apa-apa fungsi lain yang diberi kepada Lembaga oleh mana-mana undang-undang bertulis lain.
- 5 Boleh bertindak sebagai ejen pemungutan untuk dan bagi pihak mana-mana badan untuk mendapatkan pinjaman yang kena dibayar balik kepada badan itu di bawah mana-mana undang-undang bertulis.

Kuasa

1. Membuat Kontrak;
2. Mempergunakan segala harta Lembaga, alih dan tak alih, dengan cara yang difikirkan sui manfaat oleh Lembaga termasuklah mendapatkan pinjaman dengan menggadai harta tersebut;
3. Melibatkan diri dalam apa-apa kegiatan, sama ada bersendirian atau bersama-sama dengan organisasi lain, atau agensi antarabangsa, bagi menggalakkan pemahaman percukaian yang lebih baik;
4. Memberi nasihat atau bantuan teknikal, termasuk kemudahan latihan kepada pihak berkuasa percukaian negara-negara lain;
5. Mengenakan fi atau caj bagi perkhidmatan yang diberikan oleh Lembaga;
6. Memberi pinjaman kepada pekerja Lembaga bagi apa-apa maksud yang diluluskan secara khusus oleh Lembaga;
7. Menyediakan kemudahan rekreasi dan menggalakkan kegiatan rekreasi bagi, dan kegiatan yang berfaedah untuk, kebajikan pekerja Lembaga;
8. Menyediakan latihan untuk pekerja Lembaga dan memberi biasiswa atau selainnya membiayai latihan tersebut; dan
9. Melakukan apa juga yang bersampingan dengan mana-mana kuasanya.



Budaya Korporat



Visi

Pentadbir Cukai Terunggul



Misi

Kami Sentiasa Berusaha Untuk:

- Memberikan Perkhidmatan Terbaik
- Mengoptimumkan Operasi Organisasi
- Memaksimumkan Pematuhan Sukarela
- Mengekalkan Tahap Kompetensi Tertinggi



Objektif

Melaksanakan Sistem Percukaian Yang Berkesan, Adil Dan Saksama

Slogan

Bersama-sama Membangunkan Negara

Dasar Kualiti

Berteraskan Integriti, Kami Komited Memberikan Perkhidmatan Yang Terbaik Untuk Pelanggan

Moto Perkhidmatan

Perkhidmatan Terbaik Untuk Anda

Nilai Teras

H

Happy

Budaya *Happy At Work* dapat menaikkan semangat Hasilian dalam meningkatkan produktiviti organisasi, menerapkan dan mengamalkan budaya mesra serta saling hormat menghormati ke arah mewujudkan organisasi penyayang dan harmoni.

Managing People dengan etika dan tatasusila yang baik dan sewajarnya.

Mewujudkan komitmen secara sukarela untuk bersama-sama mencapai matlamat/ Petunjuk Prestasi Utama Korporat yang telah ditetapkan.

A

TeAmwork

Kerjasama yang utuh diterapkan dalam diri setiap Hasilian menjadikan setiap perancangan keputusan yang dilaksanakan lebih teratur, menjimatkan masa dan cekap seterusnya menghasilkan produktiviti yang tinggi.

Hasilian akan lebih gemilang jika setiap sesuatu perkara dilaksanakan secara berpasukan.

S

ProfeSsionalism

Hasilian mempunyai semangat yang tinggi untuk menghasilkan yang terbaik dalam setiap urusan pentadbiran percukaian ke arah menjana pendapatan negara.

Selain itu, setiap urusan ditadbir dan diuruskan secara profesional dan cekap.

I

Integrity

Integriti dibudayakan di setiap peringkat pegawai LHDNM selari dengan matlamat untuk melahirkan modal insan yang kompeten, berintegriti dan komited.

L

ExceLlence

Hasilian berusaha untuk menjalankan tanggungjawab dengan cemerlang bagi menghasilkan mutu kerja yang berkualiti dan berprestasi tinggi ke arah pentadbir cukai terunggul yang menyumbang kepada pembangunan negara.



Piagam Pelanggan



PIAGAM PELANGGAN LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA (LHDNM)

Bayaran Balik*
e-filing:
- 30 Hari Bekerja

Penyelesaian Kes Audit*
- 90 Hari Kalendar
Dari Tarikh Permulaan Audit

Surat Penyelesaian Cukai*
Individu
- 14 Hari Bekerja
Syarikat
- 14 Hari Bekerja

Borang Maklum Balas Portal Hasil
Pertanyaan Am
- 7 Hari Bekerja
Pertanyaan Percukaian
- 21 Hari Bekerja

Sijil Taraf Mastautin (STM)
e-Residence
- 10 Hari Bekerja

Perkhidmatan MyTax
Ketersediaan Sistem Tidak Kurang Daripada 98%
Merangkumi Semua e-Perkhidmatan Di Bawah MyTax

Perkhidmatan Kaunter Khidmat Rundingan
Masa Menunggu 15 Minit

HASiL Contact Centre
Panggilan Telefon Dijawab Dalam Tempoh Masa 4 minit:
a) 40% Semasa Tempoh Puncak (Mac - Julai);
b) 70% Semasa Tempoh Bukan Puncak (Ogos - Februari)

***Duti Setem Surat Cara Pindah Milik Harta Tanah**
Pengeluaran Notis Taksiran
- 15 Hari Bekerja

Selain Surat Cara Pindah Milik Harta Tanah
- 7 Hari Bekerja

E-mel
Pengeluaran Akaun Penerimaan
- 3 Hari Bekerja

KOMITMEN LHDNM

*Tertakluk kepada penerimaan dokumen dan maklumat yang lengkap

HAK PEMBAYAR CUKAI
Hak Pembayar Cukai adalah sentiasa terpelihara

HAK-HAK PEMBAYAR CUKAI

1. Menerima layanan sewajarnya
2. Membuat rayuan atas taksiran yang dibangkitkan oleh LHDNM
3. Melantik wakil yang berkelayakan untuk menguruskan fail percukaian
4. Mendapat perlindungan privasi dan kerahsiaan informasi pembayar cukai

TANGGUNGJAWAB PEMBAYAR CUKAI


Bagi membolehkan LHDNM memberikan perkhidmatan yang berkesan, anda bertanggungjawab:

1. Melaporkan pendapatan bercukai yang betul dan tepat
2. Mengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan, dokumen dan maklumat yang lengkap, tepat dan betul dalam tempoh yang ditetapkan
3. Menyimpan rekod dan dokumen dengan baik
4. Memaklumkan LHDNM dengan segera sebarang perubahan alamat
5. Membayar cukai dan duti setem dalam tempoh yang ditetapkan
6. Memberi kerjasama dan bersikap telus apabila berurusan dengan LHDNM
7. Mengemaskini maklumat



DATUK DR. ABU TARIQ BIN JAMALUDDIN
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
DIKEMASKINI PADA 03 JANUARI 2024

Tema Tahunan



Anggota Lembaga

Pengerusi Anggota Lembaga



YBhg. Datuk Johan Mahmood Merican
Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Perbendaharaan Malaysia
Kementerian Kewangan Malaysia

Anggota Lembaga



**YBhg. Tan Sri Wan Ahmad Dahlan
bin Haji Abdul Aziz**
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia



**YBhg. Datuk Dr. Abu Tariq
bin Jamaluddin**
Ketua Pegawai Eksekutif/
Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia



YBhg. Datuk Rozita binti Ramli
Penggubal Undang-Undang Parlimen
Bahagian Cubalan
Jabatan Peguam Negara



YBrs. Encik John Patrick Antonsamy
Setiausaha Bahagian
Bahagian Cukai
Kementerian Kewangan Malaysia



YBrs. Puan Nor Yati binti Ahmad
Akauntan Negara Malaysia
Jabatan Akauntan Negara Malaysia



YBhg. Datuk Petrus Gimbad
Konsultan Swasta
(Wakil Kerajaan Negeri Sabah)



**YBhg. Dato Sri Dr. Wan Lizozman
bin Wan Omar**
Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak
(Wakil Kerajaan Negeri Sarawak)



**YBhg. Datuk Noor Azian
binti Abdul Hamid**
Konsultan Swasta

Pengurusan Atasan



YBhg. Datuk Dr. Abu Tariq bin Jamaluddin
Ketua Pegawai Eksekutif / Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri



YBhg. Datuk Hisham bin Rusli
Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif / Timbalan Ketua Pengarah
(Pematuhan)



YBrs. Encik Khairul Halimin bin Abdul Halim
Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif / Timbalan Ketua Pengarah
(Pengurusan)




YBrs. Encik Shaharrudy bin Othman
Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif / Timbalan Ketua Pengarah
(Operasi Percukaian)



YBrs. Puan Norfaidah binti Daud
Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif / Timbalan Ketua Pengarah
(Dasar)




Carta Organisasi



PETUNJUK

- ▼ Jabatan/ Cawangan Khas
- ▼ Negeri








4 *Penyataan Tadbir Urus Korporat*

Tadbir Urus Korporat

Dalam usaha merealisasikan visi LHDNM sebagai pentadbir cukai terunggul yang menyumbang kepada pembangunan negara, tadbir urus korporat menjadi elemen utama dalam memastikan pengoperasian yang telus dan berakauntabiliti. Ia memberikan

jaminan kepada semua pemegang taruh bahawa LHDNM merupakan badan pentadbir cukai yang sentiasa mengamalkan amalan tadbir urus terbaik dan berintegriti tinggi.



Anggota Lembaga LHDNM

Anggota Lembaga LHDNM komited untuk memastikan pemakaian piawai yang tertinggi dalam tadbir urus korporat di organisasi ini. Anggota Lembaga LHDNM membentangkan penyata tadbir urus korporat bagi tahun berakhir 31 Disember 2024. Penyata ini merupakan komitmen dan jaminan kepada pematuhan amalan terbaik dan proses kerja yang telah dilaksanakan oleh LHDNM.

a. Komposisi Keanggotaan

Subseksyen 6(1), Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995 [Akta 533] menetapkan keanggotaan Lembaga dibentuk mengikut komposisi berikut:

- Ketua Setiausaha Perbendaharaan yang hendaklah menjadi Pengerusi;
- Peguam Negara atau wakilnya;
- Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam atau wakilnya;
- Ketua Pegawai Eksekutif;
- Tidak lebih daripada dua (2) orang lain yang mewakili Kerajaan yang hendaklah dilantik oleh Menteri melibatkan:
 - Seseorang (1) yang mewakili Negeri Sabah yang hendaklah dilantik oleh Menteri selepas berunding dengan Ketua Menteri Sabah; dan
 - Seseorang (1) yang mewakili Negeri Sarawak yang hendaklah dilantik oleh Menteri selepas berunding dengan Premier Sarawak; dan
- Tidak lebih daripada tiga (3) orang lain yang hendaklah dilantik oleh Menteri.

Komposisi keanggotaan Lembaga ini mencerminkan amalan tadbir urus korporat yang baik, dengan memastikan keseimbangan kuasa yang wajar bagi meningkatkan akauntabiliti dalam membuat keputusan secara objektif dan bebas. Anggota Lembaga LHDNM terdiri daripada individu berkaliber tinggi yang memiliki rekod pencapaian cemerlang serta kepakaran strategik dalam bidang masing-masing. Kepelbagaian latar belakang profesional dalam kalangan mereka memperkukuh keberkesanan, ketelusan dan akauntabiliti dalam pelaksanaan fungsi tadbir urus korporat.

b. Peranan Pengerusi Lembaga dan Ketua Pegawai Eksekutif

Pengerusi Lembaga berperanan mengurus dan memberi kepimpinan kepada Anggota Lembaga dalam membuat keputusan terhadap perkara-perkara yang dibawa ke perhatian Lembaga serta memantau pelaksanaan setiap keputusan tersebut.

Peranan utama Ketua Pegawai Eksekutif adalah sebagai Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri seperti ditetapkan di bawah Subseksyen 134(1A) Akta Cukai Pendapatan 1967 [Akta 53] iaitu menjaga dan mengurus cukai. Pada masa yang sama di bawah Subseksyen 6A(1) [Akta 533], Ketua Pegawai Eksekutif juga adalah bertanggungjawab terhadap pentadbiran operasi harian. Kedua-dua peranan dilaksanakan dengan berkesan sejajar dengan strategi dan dasar organisasi serta menyediakan pengawasan, bimbingan, nasihat serta kepimpinan kepada pengurusan kanan.

c. Mesyuarat Lembaga (MLHDNM)

Sepanjang tahun 2024, sebanyak 10 Mesyuarat Lembaga telah diadakan merangkumi enam (6) mesyuarat khas seperti berikut:

1. MLHDNM Bil. 1/2024 Khas	9 Januari 2024
2. MLHDNM Bil. 2/2024	24 Januari 2024
3. MLHDNM Bil. 3/2024 Khas	8 Mac 2024
4. MLHDNM Bil. 4/2024	11 Jun 2024
5. MLHDNM Bil. 5/2024 Khas	10 Julai 2024
6. MLHDNM Bil. 6/2024	26 Ogos 2024
7. MLHDNM Bil. 7/2024 Khas (Secara Edaran)	26 September 2024
8. MLHDNM Bil. 8/2024	4 November 2024
9. MLHDNM Bil. 9/2024 Khas	7 Disember 2024
10. MLHDNM Bil. 10/2024 Khas	23 Disember 2024

Kehadiran Anggota Lembaga Mesyuarat/ Jawatankuasa LHDNM 2024

ANGGOTA LEMBAGA		MESYUARAT LHDNM	JAWATANKUASA KEWANGAN DAN PELABURAN	JAWATANKUASA AUDIT LEMBAGA	JAWATANKUASA PENGURUSAN INSAN DAN SARAAAN I	JAWATANKUASA TATATERTIB I	JAWATANKUASA RAYUAN TATATERTIB	JAWATANKUASA PEROLEHAN LHDNM
1	YBhg. Datuk Johan Mahmood Merican	10/10	-	-	-	-	1/1	-
2	YBhg. Tan Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz (Dilantik pada 15/2/2024)	4/7	-	-	5/5	4/4	-	5/7
3	YBhg. Datuk Dr. Abu Tariq bin Jamaluddin	10/10	7/8	-	5/5	-	-	8/9
4	YBhg. Datuk Rozita binti Ramli	6/8	-	3/4	-	3/3	-	7/8
5	YBrs. Puan Nor Yati binti Ahmad	10/10	-	6/6	3/5	-	1/1	-
6	YBrs. Encik John Patrick Antony samy (Dilantik pada 15/5/2024)	7/7	-	3/4	-	2/2	-	2/5
7	YBhg. Datuk Petrus Gimbad	10/10	8/8	6/6	4/5	-	1/1	-
8	YBhg. Dato Sri Dr. Wan Lizozman bin Wan Omar	8/10	8/8	-	4/4	-	-	-
9	YBhg. Datuk Noor Azian binti Abdul Hamid	8/10	8/8	-	-	2/2	-	9/9

d. Jawatankuasa Lembaga

Bagi melaksanakan fungsi-fungsi Lembaga dengan lebih berkesan, beberapa jawatankuasa utama ditubuhkan selaras dengan peruntukan statutori seksyen 12 [Akta 533]. Keahlian setiap jawatankuasa ini dilantik oleh Pengerusi Lembaga dalam kalangan Anggota Lembaga. Jawatankuasa tersebut adalah seperti berikut:

- Jawatankuasa Audit Lembaga;
- Jawatankuasa Kewangan dan Pelaburan;
- Jawatankuasa Pengurusan Insan dan Saraan I;
- Jawatankuasa Perolehan LHDNM;
- Jawatankuasa Rayuan Tatatertib; dan
- Jawatankuasa Tatatertib I.

Setiap jawatankuasa berperanan menangani isu-isu yang kompleks, khusus dan spesifik. Syor serta cadangan tindakan yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Lembaga akan dibentangkan terus ke Mesyuarat Lembaga untuk pertimbangan dan

keputusan. Kebertanggungjawaban secara kolektif ini merupakan amalan terbaik yang menyokong pemerkasaan tadbir urus korporat ke tahap yang optimum.

Tiga (3) elemen utama yang menjadi asas kepada tadbir urus cemerlang di LHDNM disokong melalui pelaksanaan strategi berikut:

- Pengurusan Integriti;
- Pengurusan Risiko; dan
- Kawalan Dalaman.

Pengurusan Integriti

Pengurusan integriti di LHDNM dilaksanakan secara holistik merangkumi pencegahan, pengesanan dan tindakan pembetulan bagi memastikan ketelusan serta kebertanggungjawaban dalam setiap aspek operasi.

a. Inisiatif Integriti

Sebagai teras kepada tadbir urus korporat, pengurusan integriti di LHDNM dipacu melalui pelaksanaan dasar, pelan tindakan dan pemantauan berterusan untuk mewujudkan persekitaran kerja yang beretika dan berakauntabiliti seperti:



- Ikrar Bebas Rasuah/ Anggota Lembaga/ Pegawai LHDNM;
- Budaya Korporat LHDNM;
- Model Kompetensi;
- Dasar Pelaksanaan Modul Latihan Integriti;
- Polisi Pemberian Maklumat LHDNM;
- Soal Selidik Tahap Kesedaran Hasilian Berhubung Pengukuhan Integriti;
- Jawatankuasa Tatakelola LHDNM;
- Pelan Pengurusan Risiko Rasuah;
- Jawatankuasa Khas Pengaduan Integriti Pegawai;
- Prosedur Operasi Standard Pelaporan Tawaran dan Aktiviti Rasuah;
- Polisi Antirasuah;
- Dasar Pemberian Maklumat (Whistleblowing Policy);
- Nilai Teras LHDNM;
- Ikrar LHDNM;
- Lagu Korporat LHDNM;
- Panduan dan Etika Kerja LHDNM;
- Pengurusan Penerimaan dan Pemberian Hadiah;
- Ketua Pegawai Integriti;
- Daftar Risiko Rasuah: Sistem i-RIS;
- MS ISO 37001 ABMS LHDNM;
- *Certified Integrity Officer (CeIO)*; dan
- Polisi Konflik Kepentingan LHDNM.

b. Keberkesanan Inisiatif Integriti

Inisiatif integriti yang telah dilaksanakan dapat diukur melalui prestasi berikut:

- Prestasi kutipan cukai yang tinggi setiap tahun mengikut sasaran yang ditetapkan oleh kerajaan;
- Budaya kerja yang menepati standard;
 - MS ISO 9001:2015 QMS
 - MS ISO 27001:2013 ISMS ISO/IEC
 - MS ISO 37001:2016 ABMS
 - MS ISO 22301:2019 BCMS
- Dasar Antirasuah LHDNM menerusi inisiatif Strategi Antirasuah LHDNM dan pemantauan oleh Jawatankuasa Tatakelola LHDNM;
- Dasar Pemberian Maklumat LHDNM memantapkan Pengurusan Aduan Integriti Pegawai LHDNM bagi memastikan pegawai yang berkualiti dan berintegriti;
- Ketelusan tatacara kerja melalui perkongsian maklumat di Portal Rasmi LHDNM;
- Kepelbagaian perkhidmatan elektronik memudahkan dan mempercepatkan urusan pelanggan, menghalang salah laku pegawai serta campur tangan pihak ketiga; dan
- Penarafan LHDNM sebagai risiko "SEDERHANA" bagi Penarafan Risiko Agensi oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).



c. Strategi Antirasuah LHDNM (SeAL) 2024 - 2028

Strategi Antirasuah LHDNM (SeAL) 2024–2028 merupakan kesinambungan kepada Pelan Antirasuah LHDNM (PeARL) 2019–2023, dan dibangunkan selaras dengan Strategi Pambanterasan Rasuah Nasional (NACS) 2024–2028. SeAL dirangka bagi memperkukuh komitmen LHDNM terhadap tadbir urus terbaik, integriti dan pencegahan rasuah melalui pendekatan yang lebih menyeluruh, sistematik dan berkesan.

Walaupun pelaksanaannya masih dalam fasa penyelarasan, penyediaan SeAL tetap signifikan kerana ia meletakkan asas strategik bagi pengukuhan integriti korporat dalam jangka panjang. Dokumen ini menyediakan hala tuju asas yang boleh digerakkan sebaik sahaja pelaksanaan dimuktamadkan, selain berfungsi sebagai rujukan bagi penambahbaikan dasar sedia ada. Nilai pelaksanaan strategi ini adalah seperti berikut:



1 Meningkatkan Kepercayaan Awam

Memperkukuh keyakinan rakyat terhadap integriti dan ketelusan LHDNM sebagai institusi pemungut hasil utama negara;

2 Memupuk Budaya Integriti Yang Menyeluruh

Memupuk budaya kerja yang berteraskan integriti dan akauntabiliti di semua peringkat organisasi;

3 Memperkasa Usaha Pencegahan Rasuah Yang Lebih Berkesan

Mengurangkan risiko dan insiden rasuah melalui langkah pencegahan yang proaktif dan sistematik;

4 Meningkatkan Penyampaian Perkhidmatan Yang Telus Dan Cepak

Meningkatkan kecekapan dan ketelusan dalam penyampaian perkhidmatan kepada pembayar cukai dan masyarakat;

5 Melahirkan Kepimpinan Berintegriti Tinggi

Mewujudkan barisan kepimpinan yang berpegang teguh kepada nilai akauntabiliti dan etika kerja professional yang berintegriti; dan

6 Membentuk Penglibatan Awam Yang Lebih Aktif

Menggalakkan penyertaan masyarakat dalam menyokong agenda antirasuah melalui program pendidikan dan kolaborasi strategik.

Pengurusan Risiko


LHDNM sebagai sebuah pentadbir cukai terdedah kepada risiko strategik, risiko kewangan, risiko operasi dan risiko pematuhan yang boleh menyebabkan objektif organisasi gagal dicapai. Struktur tadbir urus Pengurusan Risiko memastikan keberkesanan amalan pengurusan risiko melalui pengawasan, pemantauan dan pelaksanaan pengurusan risiko selaras dengan prinsip ISO 31000:2018.

a. Struktur Tadbir Urus Pengurusan Risiko

Pelaksanaan pengurusan risiko organisasi di LHDNM mematuhi struktur tadbir urus dan tatakelola pengurusan risiko.

Penyelarasan dan pemantauan ini dilaksanakan oleh Jabatan Integriti dan Pengurusan Risiko dalam aspek konsultasi dan komunikasi dengan pemilik risiko dan pemilik proses dalam proses pengenalpastian, pendaftaran dan mitigasi risiko.

Proses pelaporan risiko melibatkan penyampaian kepada Jawatankuasa Pengurusan Risiko bagi membentangkan risiko utama yang memerlukan tindakan kawalan segera. Pada masa yang sama, laporan turut dikemukakan kepada Pengurusan Atasan sebagai makluman dan rujukan dalam penetapan dasar pengurusan risiko. Laporan turut dikemukakan kepada Jawatankuasa Audit Lembaga bagi memberikan jaminan bahawa risiko tahap kritikal telah dikenal pasti dan tindakan kawalan sedang dilaksanakan oleh pemilik proses atau pemilik risiko secara sistematik dan berstruktur.



b. Fungsi Utama Pengurusan Risiko

Pengurusan risiko di LHDNM dilaksanakan secara berterusan melalui aktiviti pemantauan, pelaksanaan kawalan dan tindakan pemulihan yang berstruktur. Amalan pengurusan risiko ini dikendalikan secara sistematik dan selaras dengan prinsip serta garis panduan yang digariskan dalam ISO 31000:2018. Pengurusan risiko di LHDNM dilaksanakan melalui tiga (3) fungsi utama seperti berikut:



Objektif pengurusan risiko di LHDNM adalah:

- Memudahkan Pengurusan Atasan untuk membuat keputusan strategik;
- Mengenal pasti risiko dalam aktiviti teras yang boleh menggugat pencapaian objektif LHDNM;
- Meminimumkan impak gangguan / bencana ke atas penyampaian perkhidmatan LHDNM dan memastikan kesinambungan perkhidmatan LHDNM berterusan ketika dilanda krisis atau bencana; dan
- Melindungi dan mempertingkatkan imej serta reputasi LHDNM sebagai pentadbir cukai terunggul.

i. Pengurusan Risiko Korporat

Pelaksanaan pengurusan risiko LHDNM semakin mampan dan kukuh kerana sentiasa disokong oleh struktur tadbir urus pengurusan risiko yang cekap dan berkesan sejajar dengan strategi LHDNM ke arah pencapaian objektif LHDNM dan kerajaan.

Keberkesanan pelaksanaan pengurusan risiko di LHDNM terus diperkukuh melalui struktur tadbir urus risiko yang sistematik dan responsif, sejajar dengan strategi korporat organisasi. Pendekatan ini memastikan risiko ditangani secara menyeluruh dan berdaya tahan, selaras dengan keperluan untuk mencapai objektif strategik LHDNM dan kerajaan.



ii. Pengurusan Kesenambungan Perkhidmatan

Pengurusan Kesenambungan Perkhidmatan (BCM) memastikan kelangsungan sistem penyampaian perkhidmatan LHDNM sebagai barisan hadapan kerajaan kepada pelanggan agar operasi dapat diteruskan walaupun berlaku gangguan, bencana atau pandemik.

BCM juga membantu LHDNM menguruskan kesenambungan perkhidmatan secara holistik berkaitan risiko dalam fungsi kritikal LHDNM berdasarkan ISO 22301:2019 BCMS dan Surat Arahan Ketua Pengarah MAMPU Tahun 2010.



iii. Pengurusan Keselamatan, Kesihatan Dan Persekitaran Pekerjaan

Pengurusan Keselamatan, Kesihatan dan Persekitaran Pekerjaan (KKP) merupakan elemen penting yang perlu dilaksanakan untuk melindungi semua pegawai LHDNM termasuk kontraktor dan orang awam yang berada di premis LHDNM daripada risiko KKP yang berpotensi menyebabkan kemalangan atau penyakit yang disebabkan pekerjaan.

Selaras dengan pematuhan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 dan seruan kerajaan melalui dasar KKP negara, Pengurusan Atasan memandang serius mengenai aspek KKP di tempat kerja yang perlu dipatuhi. Ini merangkumi usaha membudayakan amalan kerja selamat dan sihat di tempat kerja agar pegawai LHDNM sentiasa dapat memberikan produktiviti yang terbaik. Pelaksanaan aktiviti KKP adalah seperti berikut:

Aktiviti Pengurusan Keselamatan, Kesihatan Dan Persekitaran Pekerjaan

**SKOP KESELAMATAN**

- Menasihati pihak pengurusan berkenaan isu-isu OSHE dan mengenal pasti risiko-risiko OSHE serta menganalisa jenis-jenis bahaya di tempat kerja dan persekitaran bagi tujuan menyediakan penyelesaian
- Pelaksanaan audit pemeriksaan dan pemantauan OSHE secara berkala di Jabatan/ Negeri/ Cawangan
- Program kajian risiko dan pelaporan bagi menilai amalan kerja dan persekitaran supaya piawaian keselamatan dan kesihatan pekerja dipatuhi
- Melaksanakan siasatan dan semakan terhadap pelaporan insiden/kemalangan di tempat kerja
- Pelaksanaan program peningkatan kesedaran dan promosi OSHE di tempat kerja (taklimat/ kursus/ hebahan/ poster/ dll)
- Program Pensijilan ISO 45001: 2018 (Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan)
- Program kerjasama dengan agensi luar (DOSH, KKM, Bomba)
- Program CSR OSHE

**SKOP KESIHATAN**

- Melaksana siasatan penyakit pekerjaan dengan kerjasama Pegawai Perubatan Kesihatan Pekerjaan dari Klinik Kesihatan/ Hospital/ Panel Kesihatan LHDNM/ Pejabat Kesihatan Daerah atau Pegawai DOSH
- Bekerjasama dengan Klinik Kesihatan/ Hospital/ Panel Kesihatan LHDNM untuk program pencegahan penyakit pekerjaan kepada Pegawai LHDNM
- Bekerjasama dengan Jabatan Pengurusan Insan atau lain-lain Jabatan/Bahagian di LHDNM bagi program kesihatan pekerja seperti saringan kesihatan, 'return to work' dan lain-lain di bawah kesihatan fizikal dan mental pekerja
- Menjalankan penilaian risiko ergonomik di tempat kerja
- Menjalankan 'walk survey' di lokasi yang disyaki mempunyai pendedahan apa-apa penyakit pekerjaan untuk semakan lanjut

**SKOP PERSEKITARAN**

- Program Kempen Penjimatan Tenaga di LHDNM
- Program Kesihatan Awam
- Program Penghijauan Alam
- Pengurusan Bahan Sisa Buangan
- Pengurusan Pelepasan Udara seperti Kempen 'Carbon Footprint'
- Pengurusan Pelepasan Air ke longkang utama seperti bacaan kualiti air

**SEKRETARIAT / URUSETIA**

- Mesyuarat Jawankuasa Keselamatan dan Kesihatan LHDNM (JKKL)
- Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Keselamatan, Kesihatan dan Persekitaran Pekerjaan (JKOSHE), Menara Hasil Cyberjaya

Petunjuk risiko yang diuruskan dengan cekap ini dapat memberikan petunjuk risiko yang perlu diberikan perhatian bagi meminimumkan impak dan mengurangkan risiko melalui tindakan kawalan dan pemulihan yang efisien dan cekap.

Petunjuk risiko yang diurus dengan cekap membolehkan organisasi mengenal pasti risiko kritikal lebih awal, seterusnya memacu pelaksanaan kawalan dan tindakan pemulihan secara pantas, terarah dan berkesan. Pendekatan ini membantu meminimumkan kesan negatif terhadap operasi dan memperkukuh daya ketahanan organisasi.

Sebagai agensi yang mentadbir dan mengurus hasil cukai negara, pengurusan risiko amat penting bagi LHDNM, yang perlu sentiasa bersiap siaga selaras dengan peranannya sebagai saluran kewangan utama negara.

Pengurusan risiko yang cekap perlu dilaksanakan secara berterusan oleh LHDNM kerana hasil kutipan cukai menjadi asas kepada pembangunan dan tadbir urus negara. Pengurusan percukaian yang berkesan turut membantu mengurangkan beban kewangan Kerajaan, negara dan pembayar cukai.

iv. Pengurusan Risiko Pematuhan Cukai

Amalan tadbir urus LHDNM turut diperluaskan kepada pihak berkepentingan luaran termasuk komuniti pembayar cukai. Salah satu elemen penting dalam pemantapan tadbir urus korporat adalah melalui pelaksanaan Pengurusan Risiko Pematuhan Cukai. Inisiatif ini berperanan sebagai kerangka kawalan strategik yang memandu proses mengenal pasti, menilai dan mengurus risiko yang berpotensi menjejaskan pematuhan oleh pembayar cukai terhadap perundangan serta peraturan percukaian negara.

Melalui Pelan Pengurusan Risiko Pematuhan Cukai, LHDNM menyelaras pengendalian risiko-risiko pematuhan cukai secara seragam dan sistematik, memastikan setiap risiko diurus secara proaktif dan bersepadu bagi meminimumkan kesan negatif terhadap organisasi.

Kawalan Dalaman

LHDNM bertanggungjawab untuk memastikan pengurusan kawalan dalaman yang mencukupi dan berkesan dalam mengurus risiko yang wujud dan seterusnya memacu kecemerlangan tadbir urus korporat LHDNM. Ini bertepatan dengan visi LHDNM untuk terus relevan menjadi pentadbir cukai terunggul.

a. Rangka Kerja Kawalan Dalaman

Rangka Kerja Kawalan Dalaman LHDNM yang utama adalah berdasarkan Committee of Sponsoring Organisations of the Treadway Commission (COSO) iaitu penanda aras antarabangsa yang diiktiraf dalam pengurusan risiko dan kawalan dalaman. Lima (5) komponen utama COSO yang diadaptasikan di LHDNM adalah:



Kawalan dalaman adalah polisi dan prosedur yang diwujudkan untuk mengurus lima (5) perkara utama seperti berikut:



Tiga (3) jenis kaedah kawalan dalaman yang utama adalah Pengesanan (Detective), Pencegahan (Preventive) dan Pembetulan (Corrective).

Barisan Pertahanan (Lines of Defence) dalam pengurusan kawalan dalaman yang berkesan bagi melaksanakan operasi harian LHDNM adalah seperti berikut:



Kelima-lima barisan pertahanan ini perlu berfungsi dengan sempurna dan saling melengkapi dalam memastikan keberkesanan kawalan dalaman LHDNM.

b. Jaminan Mengenai Kawalan Dalaman

Sistem kawalan dalaman diwujudkan untuk mengurus risiko dan bukannya untuk menghapus semua risiko. Justeru, sistem kawalan dalaman hanya dapat memberi jaminan keberkesanan yang munasabah dan bukannya secara mutlak.

Keberkesanan *Rings of Governance* LHDNM adalah suatu proses berintegrasi dan berterusan serta dikawal selia oleh:

- Lembaga Pengarah LHDNM;
- Jawatankuasa Audit Lembaga;
- Jabatan Audit Negara Malaysia/Juruaudit Luar;
- Jabatan Akauntan Negara Malaysia;
- Jabatan Audit Dalam LHDNM; dan
- Jabatan Integriti dan Pengurusan Risiko LHDNM.


Jabatan Audit Dalam menjalankan fungsi menilai semua polisi dan peraturan serta kawalan yang diwujudkan oleh pihak pengurusan bagi memastikan aktiviti-aktiviti yang dijalankan diuruskan dengan sempurna dan berkesan pada kos yang munasabah. Tugas dan tanggungjawab Jabatan Integriti dan Pengurusan Risiko memberi laporan secara bebas kepada Jawatankuasa Audit Lembaga di dalam memberi jaminan bahawa pengurusan kawalan dalaman LHDNM adalah berkesan dan mencukupi. Laporan akan dibentangkan kepada Jawatankuasa Audit Lembaga sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun.

Fungsi dan kuasa Jawatankuasa Audit Lembaga ke atas kawalan dalaman LHDNM telah dinyatakan dengan jelas di dalam Terma Rujukan Jawatankuasa Audit Lembaga seperti berikut:



1

Menyemak dan mengkaji kesempurnaan serta keutuhan sistem kawalan dalaman dan sistem maklumat pengurusan organisasi;



2

Mempertimbangkan keberkesanan sistem kawalan dalaman LHDNM termasuk keselamatan teknologi maklumat dan kawalan; dan



3

Mengkaji semula kecukupan dan keberkesanan kawalan dalaman untuk menjamin kecekapan operasi LHDNM.

Jawatankuasa Audit Lembaga juga membantu Lembaga menilai keberkesanan kawalan dalaman melalui:

- Memantau pelaksanaan tindakan pembedulan dan memberikan cadangan penambahbaikan;
- Membentangkan Laporan Jawatankuasa Audit Lembaga dan syor kepada Lembaga Pengarah; dan
- Mengkaji dan menasihati Lembaga Pengarah berhubung dengan penyata kewangan, prospektus dan laporan-laporan kewangan lain yang dikeluarkan.





5 *Teras Strategik*

Teras Strategik

Pengenalan

Sebagai agensi pemungut hasil utama negara, LHDNM terus memainkan peranan yang signifikan dalam memastikan kelestarian kewangan negara. Peranan ini dilaksanakan melalui sistem percukaian yang cekap, adil dan berintegriti, selaras dengan aspirasi nasional untuk membina ekonomi yang mampan dan inklusif. Selaras dengan perubahan dinamik dalam landskap ekonomi, kemajuan teknologi serta tingkah laku dan ekspektasi rakyat, LHDNM telah merangka teras strategik yang menjadi kompas utama dalam memacu

dan menyelaraskan perancangan dan pelaksanaan inisiatif organisasi dalam jangka masa sederhana dan panjang.

Teras Strategik LHDNM dibentuk selaras dengan aspirasi nasional dan hala tuju transformasi sektor awam, serta disusun mengikut keutamaan dalam memastikan keberkesanan dan kesinambungan usaha memperkasakan sistem percukaian negara seperti berikut:



Teras Strategik 1

Penyampaian Perkhidmatan Berorientasi Pelanggan

Di bawah Teras Strategik 1, LHDNM memberi penekanan kepada aspek penyampaian perkhidmatan yang berorientasikan pelanggan utama iaitu pembayar cukai. Teras ini menekankan kepentingan perkhidmatan yang berkualiti, berintegriti serta sejajar dengan jangkaan dan keperluan pihak berkepentingan.

Empat (4) Objektif Strategik yang menjadi tumpuan utama di bawah teras ini adalah seperti berikut:


- i) Penyampaian Perkhidmatan Berkualiti;
- ii) Reputasi dan Imej Korporat Cemerlang;
- iii) Pemantapan Sistem Tadbir Urus dan Kawalan Dalaman; dan
- iv) Pembudayaan Pengurusan Risiko dan Integriti

Objektif Strategik 1: Penyampaian Perkhidmatan Berkualiti

LHDNM terus komited untuk mempertingkatkan mutu penyampaian perkhidmatan melalui pengukuhan kompetensi barisan hadapan serta penerapan teknologi dan inovasi terkini dalam setiap aspek operasi. Pendekatan ini bukan sahaja meningkatkan kecekapan dalaman, malah memastikan setiap perkhidmatan yang diberikan adalah responsif, cekap dan mesra pengguna.

Keberkesanan inisiatif ini dapat dilihat melalui pencapaian memberangsangkan dalam Kajian Kepuasan Pelanggan yang dilaksanakan secara dalam talian (*e-Survey*) bagi perkhidmatan Sistem e-Janji Temu. Sejak diperkenalkan oleh Jabatan Khidmat Korporat pada tahun 2021, sistem ini telah mencatat tahap kepuasan pelanggan melebihi 98% secara konsisten setiap tahun, satu petunjuk jelas terhadap penerimaan dan keberkesanan sistem penyampaian yang dilaksanakan.

Tahap Kepuasan Pelanggan



LHDNM komited menyokong prinsip ketelusan kerajaan melalui perkongsian maklumat terbuka yang boleh dijadikan rujukan oleh semua lapisan masyarakat. Sebagai bukti komitmen ini, Jabatan Operasi Cukai telah membangunkan Rangka Kerja Maklumat Terbuka LHDNM melalui *e-Statistik* yang dipaparkan di laman sesawang LHDNM. Sebanyak 40 set statistik terbuka bagi tahun 2017 hingga 2023 telah dimuat naik ke portal rasmi demi memastikan maklumat yang tepat dan terkini dapat diakses secara terbuka.

Selain itu, bagi memperkukuh keberkesanan perkhidmatan elektronik kepada pembayar cukai, Jabatan Operasi Cukai turut melaksanakan inisiatif integrasi antara sistem MyTAX dan sistem dalaman LHDNM iaitu *HASiL Integrated Tax System (HITS)*. Melalui langkah ini, pembayar cukai kini boleh menggunakan sistem e-CP22 dan TAeF 2.0 sepenuhnya pada tahun 2024, sekali gus meningkatkan kemudahan dan kecekapan dalam urusan percukaaian.

Objektif Strategik 2: Reputasi Dan Imej Korporat Cemerlang

International Organization for Standardization (ISO) adalah badan antarabangsa yang menetapkan piawaian dan norma-norma global untuk pelbagai aspek pengurusan dan operasi organisasi. Menerusi pensijilan ISO, LHDNM komited terhadap pengurusan yang berkualiti tinggi dan memenuhi piawaian antarabangsa. Pensijilan ISO adalah wadah untuk meningkatkan kepercayaan rakyat, pembayar cukai, rakan kongsi strategik dan pemegang taruh terhadap keupayaan serta kredibiliti LHDNM. Ia juga memperkukuhkan imej institusi ini sebagai agensi pemungut cukai yang profesional, bertanggungjawab dan berintegriti.

Jabatan Khidmat Korporat memainkan peranan utama dalam pelaksanaan ISO di LHDNM. Pada tahun 2024, fokus utama adalah memperluaskan pelaksanaan pensijilan MS ISO 9001:2015 bagi Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) di semua Pejabat Negeri LHDNM. Matlamat utama pensijilan ini adalah untuk memastikan keseragaman dalam layanan dan tindakan terhadap pembayar cukai, sekaligus memperkukuh pemahaman serta budaya MS ISO di LHDNM.

Inisiatif perluasan pensijilan MS ISO 9001:2015 juga telah dilaksanakan melalui pelbagai aktiviti strategik, termasuk perbincangan bersama jabatan pemilik proses untuk menentukan skop dan sokongan, taklimat, latihan serta perbincangan dengan Penyelaras ISO. Selain itu, lawatan pemantauan ke negeri pelaksana, pelaksanaan audit sendiri serta program penilaian keberkesanan dan pengiktirafan pencapaian pelaksanaan turut memperkukuh usaha ke arah mencapai keberhasilan yang lebih menyeluruh dan berkesan.

Bagi tahun 2024, sebanyak tujuh (7) aktiviti perluasan pensijilan MS ISO 9001:2015 telah dilaksanakan, melebihi sasaran dengan pencapaian sebanyak 140%. Inisiatif ini meliputi pelbagai langkah strategik, antaranya:

- i. Penyelarasan maklumat di antara penyelaras jabatan pemilik proses dan negeri pelaksana serta bukan pelaksana bagi memastikan kemas kini ID Perisian Niix dan pegawai berjalan lancar.
- ii. Pengemaskinian nama-nama Penyelaras ISO, Ahli Jawatankuasa Pelaksana ISO serta cadangan nama Juruaudit ISO peringkat LHDNM Negeri bertarikh 15 Februari 2024.
- iii. Pengemaskinian ID Niix untuk semua Jawatankuasa MS ISO Jabatan dan Negeri termasuk yang bukan negeri pelaksana.

iv. Semakan dokumen-dokumen Kualiti MS ISO 9001:2015 ke dalam sistem Niix termasuk semakan oleh Pengarah Jabatan Khidmat Korporat untuk memastikan kesahihan dan keberkesanan dokumen.

v. Sesi taklimat pelaksanaan MS ISO 9001:2015 Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) Siri 1 yang berlangsung pada 20 Jun 2024.

vi. Lawatan pemantauan dan perluasan MS ISO 9001:2015 di Pulau Pinang pada 15 Ogos 2024 yang bertujuan memperkukuh pengamalan standard di peringkat negeri.

vii. Kursus Juruaudit Dalam MS ISO 9001:2015 di KSL Esplanade Hotel Klang dari 26 hingga 29 Ogos 2024 memperkasakan keupayaan juruaudit dalam memastikan tindakan pematuhan dipenuhi.

Objektif Strategik 3: Pemantapan Sistem Tadbir Urus Dan Kawalan Dalaman

LHDNM terus melaksanakan usaha berterusan dalam memperkukuh keberkesanan pengurusan dan tadbir urus organisasi melalui pelaksanaan aktiviti semakan serta pemantauan yang menyeluruh dan berstruktur. Tumpuan diberikan kepada pematuhan terhadap undang-undang, prinsip tatakelola yang baik, Prosedur Operasi Standard (SOP) serta piawaian yang telah ditetapkan oleh organisasi dan pihak berkuasa berkaitan.

Pelaksanaan kawalan dalaman yang efisien dan berkesan bukan sahaja memperkukuh kecekapan operasi, malah menyumbang secara langsung kepada peningkatan nilai organisasi melalui penambahbaikan berterusan, pengurangan pembaziran sumber, serta pemeraksanaan elemen ketelusan dan akauntabiliti dalam semua peringkat pelaksanaan.

Bagi memastikan elemen kawalan dalaman dan pengurusan risiko organisasi terus diperkasa, Jabatan Audit Dalam telah melaksanakan inisiatif Program Pengauditan Hasil Cukai Langsung yang meliputi pengauditan ke atas hasil Duti Setem di empat (4) Pejabat Negeri LHDNM dan hasil Cukai di dua (2) Pejabat Negeri LHDNM.

Selain itu, Jabatan Audit Dalam turut melaksanakan pengauditan pengurusan keselamatan pangkalan data *International Data Exchange Facility* (HiDEF). Memo pengauditan bagi pangkalan data HiDEF telah dikemukakan kepada pihak auditi iaitu Jabatan Teknologi Maklumat pada 1 Julai 2024.

Dokumen-dokumen berkaitan bagi tujuan audit pula diterima daripada auditi pada 16 Julai 2024 dan semakan serta analisis dokumen tersebut telah selesai dilaksanakan pada 5 Ogos 2024. Proses verifikasi melalui sesi temuduga, perbincangan dan mesyuarat bersama auditi serta jabatan yang terlibat bermula pada 30 Ogos 2024 dan berakhir pada 8 Oktober 2024. Seterusnya, laporan pelaksanaan Audit Pangkalan Data HiDEF telah dibentangkan dalam Pra Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Perkhidmatan pada 20 November 2024 dan proses pembentangan rasmi dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2024 pula selesai dilaksanakan pada 2 Disember 2024.

Objektif Strategik 4: Pembudayaan Pengurusan Risiko Dan Integriti

Dalam usaha memperkukuh tadbir urus dan meningkatkan keberkesanan operasi, LHDNM menekankan pembudayaan pengurusan risiko dan integriti sebagai salah satu teras utama organisasi. Pendekatan ini bertujuan membentuk persekitaran kerja yang berteraskan amanah, akauntabiliti dan berdaya saing serta memastikan kesiapsiagaan organisasi dalam menghadapi pelbagai cabaran dan ancaman secara berterusan.

Pengurusan risiko yang bersepadu dan mampan menjadi tunjang utama dalam memastikan keberlangsungan operasi yang kukuh dan tangkas. Sementara itu, nilai integriti diterapkan secara mendalam melalui pelaksanaan program latihan berterusan, kempen kesedaran dan mekanisme pengawasan yang efektif. Usaha membina budaya integriti yang kukuh dalam kalangan Hasil dan semua pihak berkepentingan ini merupakan tanggungjawab utama Jabatan Integriti dan Pengurusan Risiko yang telah melaksanakan pelbagai strategi berimpak tinggi bagi merealisasikan visi tersebut.

Pelaksanaan penuh Pelan Antirasuah LHDNM (PeARL) telah dicapai pada tahun 2023. Justeru, bagi memastikan kesinambungan dan keberkesanan pelaksanaan inisiatif tersebut, LHDNM sedang membangunkan Pelan Antirasuah baharu bagi tahun 2024 yang bertujuan memperkukuh integriti serta meningkatkan ketelusan dalam semua aspek operasi organisasi. Inisiatif ini sejajar dengan Strategi Pembanterasannya Rasuah Nasional (NACS) 2024–2028 yang menekankan keperluan menyediakan Pelan Antirasuah Organisasi sebagai satu dokumen dasar yang bertujuan menangani isu-isu governans, meningkatkan integriti dan memperkukuh tatakelola organisasi. Pelan baharu ini dijangka akan dilaksanakan sepenuhnya pada tahun 2026 sebagai komitmen berterusan LHDNM dalam membanteras rasuah dan memperkukuh budaya integriti.

LHDNM sentiasa menitikberatkan keberkesanan pengurusan krisis melalui pelaksanaan rangka kerja yang menyeluruh, proaktif dan berterusan. Pengurusan krisis merupakan komponen penting dalam memastikan kesiapsiagaan organisasi bagi menghadapi insiden luar jangka yang berpotensi menjejaskan kelangsungan operasi, reputasi dan kepercayaan awam. Selaras dengan keutamaan ini, JIPR bersama Jabatan Logistik Korporat telah mengambil langkah proaktif dengan memperkemas Pelan Pengurusan Krisis LHDNM agar memenuhi amalan terbaik dan keperluan semasa organisasi.

Antara inisiatif utama yang dilaksanakan termasuk:

- i. Pelaksanaan jerayawara (roadshow) dalam talian pada 14 Februari 2024 di Pejabat Negeri LHDNM Terengganu;
- ii. Pensijilan semula ISO 22301:2019 bagi Sistem Pengurusan Kesinambungan Perkhidmatan (SPKP) sehingga 9 Mei 2027 selepas lawatan audit oleh SIRIM pada 27 sehingga 29 Mei 2024. Skop SPKP ini meliputi pengurusan Bayaran Balik Cukai Pendapatan Syarikat di Ibu Pejabat LHDNM melibatkan kerjasama antara Jabatan Integriti dan Pengurusan Risiko, Jabatan Teknologi Maklumat dan lima (5) jabatan lain termasuk Jabatan Operasi Cukai, Jabatan Pungutan Hasil, Jabatan Khidmat Korporat, Jabatan Logistik Korporat dan Akademi Percukaian Malaysia;
- iii. Pelaksanaan Taklimat Pengurusan Bencana kepada peserta Kursus Semaian Hasil Bilangan 1 dan Bilangan 2 Tahun 2024, masing-masing pada 17 dan 31 Mei 2024 di Akedemi Percukaian Malaysia;
- iv. Pelaksanaan Taklimat Pengurusan Bencana dan Simulasi *Call Tree* kepada Ketua Pegawai Eksekutif LHDNM pada 20 Jun 2024 untuk memperkemas komunikasi dan koordinasi semasa kecemasan;
- v. Pelaksanaan Taklimat Pengurusan Kesinambungan Perkhidmatan di LHDNM Kedah (26 November 2024), Sabah secara dalam talian (27 November 2024) dan Pulau Pinang (10 Disember 2024), bagi memastikan kesiapsiagaan merentasi pelbagai lokasi; dan
- vi. Pembentangan Laporan Pelaksanaan Latihan Kebakaran dan Kecemasan di Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko Bilangan 2 Tahun 2024 pada 12 Disember 2024.



Jabatan Integriti dan Pengurusan Risiko juga telah membangunkan Sistem Pengurusan Risiko Pematuhan Cukai (TCRM) sebagai langkah proaktif dalam memperkukuh pengurusan risiko organisasi.

Sistem TCRM ini direka untuk mengenal pasti, menilai dan memantau risiko berkaitan pematuhan cukai secara lebih sistematik dan bersepadu. Melalui penggunaan data analitik dan teknologi terkini, Sistem Pengurusan Risiko Pematuhan Cukai membolehkan LHDNM mengambil tindakan berfokus dan tindakan langsung dalam menangani isu-isu pematuhan, sekaligus meningkatkan keberkesanan kutipan hasil dan meminimumkan risiko ketirisan. Antara pencapaian utama dalam pembangunan sistem ini termasuk:

- i. Pembentangan cadangan pembangunan Sistem IRIS 2.0 kepada Jawatankuasa Kerja ICT pada 1 April 2024 yang berjaya memperoleh kelulusan rasmi untuk pelaksanaan;
- ii. Perbincangan kolaboratif bersama Jabatan Teknologi Maklumat yang berjaya memuktamadkan dokumen *User Requirement Specification* (URS) bermula September 2024 sebagai persiapan penting sebelum memulakan fasa pembangunan sistem pada Januari 2025; dan
- iii. Penyediaan dan penyerahan lengkap *User Requirement Specification* kepada Jabatan Teknologi Maklumat, menandakan kemajuan signifikan dalam memastikan sistem dibangunkan mengikut spesifikasi yang tepat dan berkesan.

Teras Strategik 2

Sistem Dan Proses Kerja Yang Efektif dan Efisien

LHDNM konsisten dalam merancang dan melaksanakan pelbagai strategi dan inisiatif untuk memperkasa kecekapan sistem dan prosedur operasi yang mampu menjamin keberkesanan dalam menjalankan tugas. Inisiatif ini bertujuan untuk meningkatkan produktiviti, memperbaiki ketepatan dan mempercepatkan proses penyampaian perkhidmatan kepada rakyat. Pendekatan berterusan dalam menerapkan inovasi dan penambahbaikan akan memastikan LHDNM kekal relevan serta responsif terhadap cabaran dan keperluan semasa.

Sebagai sebahagian daripada strategi utama memperkasa sistem dan proses kerja yang efektif dan efisien, LHDNM telah menetapkan empat (4) Objektif Strategik iaitu:

- i. Pemodenan Sistem Aplikasi dan Infrastruktur ICT;
- ii. Pengurusan Kos yang Cepak dan Berkesan;
- iii. Perekayasaan Proses dan Prosedur Kerja; dan
- iv. Pelaksanaan Amalan Hijau Mampaan.

Objektif Strategik 1: Pemodenan Sistem Aplikasi Dan Infrastruktur ICT

Pemodenan Sistem Aplikasi dan Infrastruktur ICT di LHDNM melibatkan peningkatan teknologi dan sistem digital untuk memperkasakan kecekapan operasi, mempercepat proses perkhidmatan serta memastikan keselamatan data yang lebih tinggi. Inisiatif ini termasuk pembangunan sistem baharu, pengintegrasian aplikasi sedia ada serta peningkatan infrastruktur ICT bagi menyokong keperluan organisasi dan pelanggan secara lebih efektif dan berdaya tahan.

a. Pembangunan Sistem Aplikasi

Jabatan Teknologi Maklumat terus memainkan peranan penting dalam memperkukuh infrastruktur digital melalui pembangunan pelbagai sistem aplikasi inovatif bagi menyokong kelancaran dan kecekapan operasi percukaian di LHDNM.

Antara pencapaian utama bagi tahun 2024 ialah kejayaan pembangunan dan pelancaran Sistem Aplikasi e-Invois (MyInvois) yang menjadi salah satu inisiatif strategik dalam memperkukuh pematuhan cukai serta memperluas transformasi pendigitalan percukaian negara.

Bagi memastikan kejayaan sistem MyInvois, sebanyak 257 sesi libat urus bersama syarikat rintis, industri, Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) dan agensi kerajaan telah dijalankan,

manakala 660 sesi taklimat pelaksanaan e-Invois di seluruh Malaysia turut diadakan. Pada 23 Oktober 2024, pembangunan sistem MyInvois telah mencapai tahap 100% dan sedia digunakan oleh pembayar cukai.

Sistem MyInvois e-POS adalah platform digital *Point of Sales* (POS) yang boleh diakses secara percuma untuk kegunaan PMKS bagi meningkatkan kecekapan operasi perniagaan di samping memenuhi keperluan pelaksanaan e-Invois. Sehingga 31 Disember 2024, sebanyak 50% daripada pembangunan sistem MyInvois e-POS telah disempurnakan dan dijangka akan mencapai 100% menjelang tahun 2025.

b. Memantapkan Kemudahan e-Perkhidmatan

Kemudahan e-Perkhidmatan LHDNM terus dipertingkatkan melalui pelaksanaan integrasi sistem e-PCB, e-Data PCB dan e-CP39 dalam satu platform e-perkhidmatan yang komprehensif iaitu e-PCB Plus. Inisiatif yang dilaksanakan oleh LHDNM ini bertujuan memastikan pengguna dapat mengakses perkhidmatan percukaian secara lebih mudah, pantas dan mesra pengguna.

Pembangunan sistem ini dilaksanakan secara berperingkat bermula dengan proses pendaftaran, pengiraan jadual dan bayaran. Sebagai langkah persediaan awal, fasa pertama pelaksanaan telah dilancarkan pada September 2024 melibatkan pendaftaran majikan serta pengurusan peranan seperti Majikan, Wakil Majikan dan Pentadbir PCB melalui platform MyTax.

Sehingga Disember 2024, Fasa 1 Sistem e-PCB Plus telah berjaya dilaksanakan dan dibuka kepada majikan sebagai langkah persediaan awal sebelum sistem ini beroperasi sepenuhnya pada tahun 2025. Seterusnya, Fasa 2 yang merangkumi fungsi pembayaran dijadualkan untuk pelaksanaan mulai Januari 2025.

Objektif Strategik 2: Pengurusan Kos Yang Cepak Dan Berkesan

Pengurusan kos yang strategik dan berdisiplin merupakan elemen penting dalam memastikan setiap perbelanjaan LHDNM diurus secara optimum. Pendekatan ini bukan sahaja mengelakkan pembaziran, malah memastikan sumber kewangan dimanfaatkan sepenuhnya bagi menyokong pencapaian matlamat organisasi secara mampaan.

a. Pemusatan Fungsi Kewangan

Antara inisiatif utama yang dilaksanakan oleh Jabatan Kewangan ialah pemusatan fungsi kewangan melalui *Financial Shared Services* bermula tahun 2023, yang dilaksanakan di Seksyen Kewangan Negeri (SKN) di bawah seliaan Pejabat Pengarah Negeri (PPN). Inisiatif ini selaras dengan perubahan struktur negeri LHDNM yang memperkenalkan konsep *Front Office, Back Office* (FOBO) bagi mempertingkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan kewangan.

Selain itu, LHDNM terus melaksanakan langkah penambahbaikan berterusan melalui pelbagai polisi dan prosedur kewangan yang lebih mantap. Bagi memastikan pegawai kekal kompeten, berkemahiran dan relevan, sebanyak 51 program peningkatan kompetensi telah diadakan sehingga Disember 2024 melibatkan seramai 1,247 pegawai.

b. Penggunaan Sumber Kewangan yang Optimum

Bagi memastikan penggunaan sumber kewangan yang optimum, *Asset Replacement Programme* (ARP) telah dicadangkan oleh jawatan Kuasa sebagai satu inisiatif strategik. Matlamat utama program ini ialah memastikan kewangan yang mencukupi dan perbelanjaan dikawal rapi dalam proses penggantian serta pembaikan aset penting seperti bangunan pejabat dan sistem ICT. Melalui pelaksanaan *Asset Replacement Programme*, LHDNM terus memastikan aset yang usang atau rosak diganti secara sistematik, manakala fasiliti dan infrastruktur ICT ditambah baik secara berterusan. Pendekatan ini bertujuan mengekalkan tahap keselamatan, kebolehpercayaan dan kecekapan operasi aset bagi menyokong kelestarian perkhidmatan organisasi. Langkah ini penting untuk menyokong operasi harian yang lebih efisien dan berkesan, sekaligus memperkukuh keupayaan organisasi dalam menyediakan perkhidmatan berkualiti kepada rakyat. Status pelaksanaan ARP tahun 2024 adalah seperti berikut:

- i. Menara LHDNM Johor Bahru – Kemajuan kerja menunjukkan pencapaian mengikut jadual sebanyak 100%. Fasa 1 dan Fasa 2 telah sepenuhnya siap, manakala kerja di Fasa 3 telah selesai dan diserahkan pada 23 Mei 2024. Sehingga 31 Disember 2024, kerja-kerja ubahsuai di Fasa 4 sedang berjalan dan mencapai 85.14%.
- ii. Menara LHDNM Kuching – Pelaksanaan 15 kerja pembaikan penting iaitu 10 telah selesai, dua (2) sedang dalam proses, dua (2) dalam perolehan, dan satu (1) lagi belum bermula.

Objektif Strategik 3: Perekayasaan Proses Dan Prosedur Kerja

Perekayasaan Proses dan Prosedur Kerja merupakan inisiatif strategik memperkukuh tadbir urus dan meningkatkan kecekapan operasi secara menyeluruh. Inisiatif ini memberi fokus kepada penstrukturan semula proses kerja agar lebih cekap, responsif dan sejajar dengan keperluan semasa organisasi serta jangkaan pihak berkepentingan.

Melalui pendekatan yang inovatif dan berorientasikan hasil, proses dan prosedur kerja sedia ada dikaji semula dan ditambah baik bagi mengurangkan birokrasi, mempercepatkan aliran kerja serta memastikan pelaksanaannya berlaku secara efisien dan berintegriti. Inisiatif ini bukan sahaja meningkatkan produktiviti kakitangan, malah memperkukuh ketelusan dan pengurusan hasil di LHDNM. Dengan perekayasaan berterusan, LHDNM dapat menyesuaikan diri dengan perubahan zaman dan merealisasikan aspirasi sebagai agensi pengurusan hasil yang cekap, berintegriti serta berdaya saing tinggi.

a. Memantapkan Operasi Pengurusan Insan

Jabatan Pengurusan Insan telah membangunkan *Digital Human Resource System* (DHRS) melalui inovasi Modul Buku Perkhidmatan Digital. Projek perekayasaan ini melibatkan pembangunan skrin baharu dan integrasi rekod perkhidmatan secara digital, sekaligus memperkemas proses sedia ada dalam Sistem Pengurusan Insan (SPI). Inisiatif ini telah berjaya diselesaikan sepenuhnya pada 14 Februari 2024, menandakan satu langkah penting ke arah pengurusan sumber manusia yang lebih moden, efisien dan berintegriti.

b. Memperkasa Proses Kerja Program Audit

Jabatan Pematuhan Cukai telah memperluaskan pelaksanaan Sistem Kerja Jarak Jauh (SKJ) kepada semua pegawai audit di setiap Pejabat Negeri LHDNM. Ini bagi memastikan penyelesaian kes yang lebih efisien dan tepat dalam tempoh yang ditetapkan. Inisiatif ini menunjukkan komitmen Jabatan Pematuhan Cukai dalam meningkatkan keberkesanan operasi serta mempercepat proses pengurusan kes.

Berikut adalah jumlah kes selesai keseluruhan, jumlah kes selesai dalam tempoh dan peratus kes selesai dalam tempoh bagi tahun 2024.



Selain itu, pelbagai penambahbaikan berterusan turut dilaksanakan terhadap sistem dan proses kerja audit cukai serta audit majikan, termasuk:

Tindakan	Status
i. Pembangunan Myportfolio Pengarah Jabatan Pematuhan Cukai dan MyPortfolio Audit Cukai (Semakan Umum dan Menyeluruh)	Selesai pada 15 Februari 2024
ii. Pindaan Manual Kualiti MS ISO 9001:2015 (QMS) dan pengeluaran Manual Proses Kerja (MPK) Audit Majikan Seksyen 107 Akta Cukai Pendapatan 1967	Selesai pada 6 Mac 2024 dan 1 Januari 2024
iii. Inisiatif Rangka Kerja Audit Cukai (RKAC): Pindaan dan kemaskini RKAC versi Bahasa Malaysia dan Inggeris termasuk RKAC Petroleum dan Kewangan dan Insurans	Selesai pada 14 Mac 2024
iv. Tatacara Pengendalian Kes Audit: Pengeluaran tatacara pengendalian kes audit cukai penggajian, audit majikan Seksyen 107 Akta Cukai Pendapatan 1967 dan pengurusan kes peguam serta firma guaman	Diserahkan antara Februari hingga Disember 2024
v. Arahan Operasi: Pelbagai arahan operasi penting dikeluarkan termasuk berkaitan pembayaran luar negara, pengurusan kes gagal kemukakan borang, pengawalan aktiviti risikan dan program pengoperasian tahun 2025	Dikeluarkan sepanjang tahun 2024
vi. Pekeliling Operasi: Pekeliling berkaitan pengendalian operasi cukai keuntungan modal (CKM)	Dikeluarkan pada 2 September 2024
vii. Penambahbaikan Proses Kerja	19 tindakan penambahbaikan dilaksanakan bagi tempoh Julai hingga Disember 2024, melebihi sasaran yang ditetapkan
viii. Sistem	Tujuh (7) <i>Change Request</i> (CR) diambil tindakan untuk audit cukai dalam tempoh yang sama, menjadikan jumlah CR tahun 2024 sebanyak 21 tindakan
ix. Penambahbaikan	40 tindakan penambahbaikan dilaksanakan sepanjang tahun 2024

c. Memperkasa Proses Kerja Program Profiling

Jabatan Perisikan dan Profiling juga telah membangunkan sebuah sistem baharu yang dikenali sebagai *Profiling Information System* (PINS) bagi menggantikan sistem sedia ada seperti SMUP dan e-SMUP. Sistem ini turut diintegrasikan dengan platform HASIL HIGHWAY, sekali gus memperkukuh keupayaan analitik dan kecekapan pemprofilan maklumat strategik.

Sistem PINS dirancang sebagai platform pengumpulan maklumat luaran yang lebih moden dan mesra pengguna, memudahkan agensi dan pihak berkepentingan menghantar maklumat secara efisien ke gudang data dan pemegang taruh. Sistem ini mampu menjalankan proses validasi dan verifikasi maklumat secara automatik, meningkatkan keberkesanan dan ketepatan data yang diterima.



Objektif utama pelaksanaan PINS adalah:

- i. Menyediakan platform pengurusan pengumpulan maklumat luaran yang lebih mesra pengguna;
- ii. Menyelaras aktiviti pengumpulan maklumat secara bersepadu dan efisien;
- iii. Meningkatkan kapasiti agensi pembekal maklumat dan memperluaskan skala penerimaan data; dan
- iv. Mengurangkan kebergantungan kepada intervensi manusia melalui proses validasi dan verifikasi automatik.

Sistem PINS telah dilancarkan pada 2 Januari 2024 menandakan bermulanya era baharu dalam pengurusan maklumat profiling. Selain itu, Jabatan Perisikan dan *Profiling* turut merangka dan melaksanakan proses kerja baharu sebagai langkah strategik untuk memperkukuh pelaksanaan program profiling. Proses kerja ini telah disiapkan sepenuhnya dan direka bentuk bagi meningkatkan ketepatan, keberkesanan serta keberhasilan dalam pengurusan data dan maklumat perisikan cukai. Proses penambahbaikan, pembaikan *bug* dan pelaksanaan *Change Request* (CR) akan terus dijalankan secara berterusan demi mengoptimumkan prestasi dan keberkesanan sistem PINS.

d. Memantapkan Sistem Kutipan Cukai

- i. Memperluas Perkhidmatan e-Bayaran

Sebagai sebahagian daripada usaha transformasi digital, LHDNM terus mengorak langkah ke arah pelaksanaan pembayaran cukai secara elektronik sepenuhnya. Inisiatif ini menyasarkan pengurangan ketara terhadap penggunaan kaedah manual dan peralihan sepenuhnya kepada sistem e-Bayaran dalam tempoh lima (5) tahun menjelang 2025.

Sehingga Disember 2024, pencapaian pembayaran cukai melalui kaedah e-Bayaran telah mencapai 97%, menunjukkan kemajuan yang memberangsangkan. Jabatan Pungutan Hasil, yang bertanggungjawab dalam kutipan cukai giat melaksanakan pelbagai aktiviti promosi e-Bayaran dengan sokongan daripada Jabatan Operasi Cukai, Jabatan Teknologi Maklumat, Jabatan Khidmat Korporat, dan Pejabat Negeri LHDNM. Selain itu, Jabatan Pungutan Hasil turut menjalankan transformasi fungsi kaunter bayaran dengan menukar operasi

kaunter bayaran tunai kepada kaunter yang menawarkan khidmat nasihat dan promosi bagi meningkatkan perkhidmatan kepada pelanggan.

Langkah-langkah transformasi utama yang telah dijalankan adalah seperti berikut:

- Pelaksanaan sepenuhnya pengemukaan Penyata Bayaran Seksyen 107D Akta Cukai Pendapatan 1967 secara elektronik (e-107D) pada Disember 2024 membolehkan bayaran cukai dilaksanakan secara dalam talian sepenuhnya;
- Peningkatan had transaksi baharu untuk bayaran cukai syarikat dan selain syarikat melalui ByrHASiL;
- Penghentian terimaan instrumen bayaran secara manual di Pusat Pengurusan Terimaan Hasil (PPTH) Kuching dan Kota Kinabalu bermula Februari 2024; dan
- Pengubahsuaian jenis terimaan cukai di PPTH Kuala Lumpur, termasuk pemberhentian lima (5) jenis bayaran cukai secara manual bagi memperkukuh transaksi digital.

Bagi tahun 2024, peratusan transaksi bayaran cukai secara elektronik meningkat kepada 96.99%, berbanding 94.46% pada tahun 2023. Peningkatan ini disokong oleh pelaksanaan mandatori e-Perkhidmatan seperti e-CKHT, e-107D dan perubahan proses terimaan secara digital. Selain itu, pelaksanaan *Application Programming Interface* (API) yang membolehkan Nombor Bil digunakan sebagai rujukan bayaran di bank ejen turut menyumbang kepada peningkatan transaksi elektronik.

e. Pelaksanaan e-CKHT

Kaedah pengemukaan dan pembayaran Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT) kini telah beralih ke era digital, sekali gus memperkukuh proses kerja sedia ada. Bermula 1 Januari 2023, Borang Nyata CKHT (BNCKHT) dikemukakan secara dalam talian melalui platform e-CKHT di MyTax dan pembayaran dibuat menggunakan Nombor Bil melalui ByrHasil. Pendigitalan ini telah mempercepatkan proses taksiran dan pembayaran serta meningkatkan kecekapan keseluruhan sistem.

Melalui kaedah e-CKHT, risiko-risiko yang menyumbang kepada kelewatan membayarkan taksiran dan isu-isu berkaitan pembayaran telah dapat dikurangkan dengan signifikan.

Menjelang tahun 2024, Sistem e-CKHT telah menunjukkan prestasi memberangsangkan dengan peningkatan signifikan dalam pengemukaan borang dan kutipan cukai selaras dengan usaha menggalakkan penggunaan dalam talian dalam kalangan pembayar cukai. Seiring dengan pelaksanaan Sistem Taksir Sendiri CKHT (STSCCKHT) yang berkuat kuasa mulai 1 Januari 2025, pengemukaan BNCKHT melalui e-CKHT akan diwajibkan bagi semua tahun taksiran, sekali gus memperkukuh agenda transformasi digital percukaian negara.

f. **Memperkasa Proses Kerja Percukaian Antarabangsa**

Jabatan Percukaian Antarabangsa telah memperkenalkan Sistem Pengurusan Fail Digital bagi meningkatkan keberkesanan pemantauan dan pengurusan dokumen di semua bahagian bawah seliaan Jabatan Percukaian Antarabangsa. Sistem ini membolehkan rekod keluar masuk dokumen, fail dan surat dikendalikan secara digital, sekali gus memperkukuh amalan pemfailan yang lebih sistematik, telus dan efisien.

Bagi mencapai objektifnya, beberapa langkah strategik telah dilaksanakan dengan fokus utama kepada:

- i. Pemindahan data dokumen Jabatan Percukaian Antarabangsa dari Hasilpedia ke platform *SharePoint* yang dilaksanakan pada bulan Februari 2024;
- ii. Penyediaan laman *SharePoint* khusus bagi memudahkan akses dan pengurusan dokumen sepanjang tahun 2024; dan
- iii. Latihan berkaitan proses migrasi data ke platform *SharePoint* turut dilaksanakan bagi memastikan kelancaran dan keberkesanan pelaksanaan migrasi.

Selain itu, draf halaman Jabatan Percukaian Antarabangsa di platform *SharePoint* LHDNM terus dikemas kini sebagai persediaan menjelang 31 Disember 2024. Proses pemuatan naik dokumen akan dilaksanakan secara berperingkat bagi memastikan pengurusan fail yang lebih sistematik, teratur dan mudah diakses selepas draf halaman tersebut diluluskan.

Objektif Strategik 4: Pelaksanaan Amalan Hijau Mampan

Sejajar dengan Garis Panduan Perolehan Hijau Kerajaan (GGP 3.0), LHDNM terus mengambil inisiatif berkaitan Pelaksanaan Amalan Hijau Mampan. GGP 3.0 adalah satu inisiatif yang diperkenalkan oleh Kerajaan Malaysia untuk menggalakkan amalan perolehan yang mesra alam dan lestari.

Selaras dengan aspirasi kerajaan untuk mempromosikan kelestarian alam sekitar, Jabatan Logistik Korporat telah merangka Polisi Perolehan Hijau yang komprehensif seperti berikut:

i. Polisi Perolehan Hijau LHDNM

Dalam usaha mengukur keberkesanan pelaksanaan konsep Perolehan Hijau, LHDNM akan mengkaji dan mengira peratusan perolehan yang mengamalkan konsep *Green Procurement Practice* dengan sasaran melebihi 3% hingga 4% daripada jumlah perolehan tahunan. Pengiraan ini akan bermula selepas 31 Disember 2024, bagi membolehkan data sebenar hasil daripada pelaksanaan program di peringkat Jabatan Logistik Korporat. Sehingga tahun 2024, sebanyak 18 perolehan daripada 66 perolehan yang ditauliahkan telah mengamalkan konsep perolehan hijau, mewakili 27.27% daripada jumlah keseluruhan.

ii. Mewujudkan Polisi Perolehan Hijau

Kriteria Perolehan Mampan telah dimasukkan dalam proses pembelian terus dan sebut harga termasuk pembaikan kecil bangunan, kerja penyelenggaraan dan kawalan serangga perosak serta perkhidmatan pencucian pejabat dan tender berkaitan. Pelaksanaan polisi ini turut diintegrasikan dalam spesifikasi teknikal perkhidmatan mencuci dan pembersihan bangunan pejabat yang termaktub dalam Perkara 5 Bahagian 1(A) Dokumen Teknikal bagi memastikan aspek hijau dan lestari dipatuhi sepanjang proses perolehan.

Teras Strategik 3

Pematuhan Cukai Secara Sukarela

LHDNM secara konsisten merangka dan melaksanakan pelbagai inisiatif berimpak jangka pendek dan jangka panjang bagi memupuk budaya pematuhan cukai secara sukarela. Keberhasilan langkah-langkah ini dapat diukur melalui pencapaian dalam pendaftaran fail cukai, pengemukaan borang nyata cukai tepat pada masanya, pelaporan liabiliti cukai yang betul dan pembayaran cukai yang dilakukan tepat pada waktunya.

Dalam usaha memperkukuh Teras Strategik Pematuhan Cukai Secara Sukarela, empat (4) Objektif Strategik utama telah dikenal pasti iaitu:

- i. Tahap Kesedaran Pematuhan Sukarela yang Tinggi;
- ii. Penjanaaan Hasil Negara di Tahap Optimum;
- iii. Pentadbiran Perundangan Percukaian Berteraskan Prinsip Kedaulatan Undang-Undang; dan
- iv. Perluasan Jaringan Percukaian.

Objektif Strategik 1: Tahap Kesedaran Pematuhan Sukarela Yang Tinggi

LHDNM telah melaksanakan pelbagai inisiatif proaktif dan inovatif bertujuan meningkatkan kesedaran serta memupuk budaya pematuhan cukai secara sukarela dalam kalangan pembayar cukai. Kadar pematuhan cukai secara sukarela yang tinggi berpotensi menyumbang secara signifikan kepada peningkatan prestasi kutipan hasil negara. Peningkatan ini secara langsung menyokong aspirasi kerangka Ekonomi MADANI ke arah pembangunan ekonomi yang kukuh, inklusif dan mampan.

a. Taklimat Penggunaan *Profiling Information System* (PINS)

Bagi memperkukuhkan lagi pemahaman dan penggunaan sistem PINS, Jabatan Perisikan dan Profiling telah menganjurkan sebanyak 394 sesi taklimat melalui pelaksanaan Program Kunjungan Hormat Unit Profiling Negeri (UPN) yang merentas pelbagai agensi kerajaan dan swasta.

b. Taklimat dan Tadbir Urus dalam Kalangan Syarikat Besar

Di sepanjang tahun 2024, Jabatan Pematuhan Cukai telah melaksanakan pelbagai sesi taklimat dan aktiviti libat urus bertujuan meningkatkan kesedaran mengenai pelaksanaan *Tax Corporate*

Governance (TCG). Bagi separuh tahun pertama, sebanyak 18 seminar, webinar dan sesi libat urus telah diadakan bersama organisasi, pengamal percukaian, serta peserta syarikat dari Projek Perintis. Manakala, bagi separuh tahun kedua, sebanyak 19 sesi lagi telah diadakan yang menunjukkan komitmen berterusan dalam memperkukuh budaya TCG dalam kalangan syarikat besar.

Objektif Strategik 2: Penjanaaan Hasil Negara Di Tahap Optimum

LHDNM sentiasa berinovasi dan proaktif dalam memperkenalkan pelbagai strategi baharu untuk memastikan hasil kutipan yang optimum. Pelan tindakan dan langkah-langkah strategik yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2024 adalah:

a. Memperkasakan Mekanisme Kutipan Hasil

Sehingga 31 Disember 2024, jumlah keseluruhan kes tunggakan adalah sebanyak 614,724 kes dengan RM34.591 bilion. Sebanyak 85,156 kes telah diambil tindakan oleh Unit Pungutan Negeri LHDNM. Pencapaian ini meliputi 98.32% dari baki kes tahunan yang mempunyai tunggakan dan perlu diambil tindakan. Antara tindakan yang dilakukan adalah rundingan jadual ansuran bayaran, mengutip bayaran, mengeluarkan taksiran kurangan bagi rayuan pembayar cukai yang berjaya, tindakan rekoveri seperti pengeluaran perintah penahanan keluar negara, lantikan ejen kutipan, kaveat hartanah dan tindakan sivil di mahkamah. Tindakan lanjut yang akan dilakukan bagi kes tunggakan adalah tindakan kebangkrapan, penggulungan syarikat dan hapus kira cukai.

b. Tindakan Pematuhan Cukai Kes Gagal Mengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP)

Bagi mengurangkan jurang ketidakpatuhan dalam pengemukaan BNCP, Jabatan Pematuhan Cukai telah melaksanakan tindakan pengauditan secara proaktif terhadap syarikat yang gagal mengemukakan BNCP tepat pada masanya. Bagi tempoh 1 Januari 2024 hingga 30 Jun 2024, sebanyak 30,463 fail telah diaudit, mewakili 15% daripada jumlah keseluruhan fail syarikat aktif yang belum diterima sehingga Disember 2023. Manakala bagi tempoh 1 Julai 2024 hingga 31 Disember 2024, sebanyak 36,505 fail telah diaudit, bersamaan 10% daripada keseluruhan fail syarikat aktif yang belum diterima sehingga Julai 2024.

Secara purata, tindakan pematuhan cukai setiap tahun ke atas syarikat yang gagal mengemukakan BNCP mencapai kadar 12%, melebihi sasaran pelan tindakan yang ditetapkan menunjukkan keberkesanan dalam usaha meningkatkan pematuhan dalam kalangan syarikat.

Bagi Program Pengakuan Sukarela 2.0, sasaran penyertaan ditetapkan sebanyak 50,000 pembayar cukai. Bagi tempoh 1 Januari 2024 hingga 30 Jun 2024, sejumlah 35,519 pembayar cukai telah menyertai program ini mewakili pencapaian sebanyak 71% daripada sasaran yang ditetapkan.

c. Segmentasi Pembayar Cukai Mengikut Tingkah Laku

Selaras dengan saranan Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD) dan amalan terbaik dalam pengurusan cukai global yang menerapkan pendekatan *Behavioural Insights*, Jabatan Operasi Cukai telah melaksanakan kajian segmentasi pembayar cukai berdasarkan tingkah laku dan corak pematuhan. Sepanjang tahun 2024, beberapa kajian utama telah dilaksanakan termasuk:

- i. Kajian Segmentasi Pembayar Cukai di LHDNM Terengganu
- ii. Kajian Pelupusan Saham Harta
- iii. Kajian Syarikat yang Menuntut Insentif di Bawah Seksyen 127(3a) Tahun Taksiran (TT) 2022
- iv. Kajian Segmentasi Pembayar Cukai di LHDNM Johor
- v. Analisis Deskriptif Gagal Patuh BNCP Syarikat dengan CP204 (TT2022-TT2023)
- vi. Kajian Kepatuhan Cukai – Analisis Terhadap Pembayar Cukai yang Membayar CP500 tetapi Gagal Mengemukakan BNCP TT2023
- vii. Kajian Segmentasi Pembayar Cukai di LHDNM Sarawak
- viii. Kajian Segmentasi Pembayar Cukai di LHDNM Melaka
- ix. Kajian Segmentasi Pembayar Cukai di LHDNM Negeri Sembilan

Inisiatif ini bertujuan mempertingkatkan keberkesanan strategi pematuhan cukai melalui pemahaman mendalam terhadap tingkah laku pembayar cukai dan mengenal pasti peluang intervensi yang lebih berkesan.

d. Pelaksanaan e-Invois

Pelaksanaan berperingkat e-Invois bagi Fasa 1 bermula pada 1 Ogos 2024 melibatkan pembayar cukai yang mempunyai pendapatan atau jualan

tahunan RM100 juta dan ke atas. Sehingga 31 Disember 2024, sebanyak 5,303 daripada 5,762 pembayar cukai Fasa 1 telah mengemukakan e-Invois atau sebanyak 92% pembayar cukai Fasa 1 telah melaksanakan e-Invois berbanding sasaran asal iaitu 90%.

Selain itu, terdapat pembayar cukai dari Fasa 2 dan Fasa 3 yang telah mengemukakan e-Invois secara sukarela dengan lebih awal masing-masing sebanyak 1,375 dan 2,838. Perkembangan ini menunjukkan bahawa strategi yang dilaksanakan berada pada landasan yang tepat selaras dengan perancangan yang telah ditetapkan. Sebagai rekod, sejumlah 118,934,304 e-Invois telah berjaya divalidasi sepanjang tahun 2024.

Objektif Strategik 3: Pentadbiran Perundangan Percukaian Berteraskan Prinsip Kedaulatan Undang-Undang

a. Memperkasakan Perundangan Percukaian

Dalam usaha memperkukuhkan lagi kerangka perundangan percukaian, Jabatan Dasar Percukaian sedang melaksanakan semakan semula layanan cukai terhadap institusi insurans dan takaful di bawah Seksyen 60, 60A, dan 60AA Akta Cukai Pendapatan 1967. Proses ini melibatkan kajian mendalam dan perbincangan strategik bersama pihak berkepentingan utama termasuk Bank Negara Malaysia bagi memastikan dasar percukaian yang lebih efektif dan selaras dengan perkembangan industri.

b. Mempercepatkan Proses Rayuan

LHDNM sentiasa peka terhadap rayuan pembayar cukai berhubung taksiran yang dibangkitkan melalui aktiviti pematuhan cukai dan siasatan. Bagi mempercepatkan proses penyelesaian rayuan, Jabatan Undang-Undang memberi tumpuan kepada kes-kes tertunggak, memastikan tindakan yang lebih proaktif dan berkesan. Sehingga 31 Disember 2024, sebanyak 88% atau 1,522 kes telah ditetapkan untuk pendengaran yang dijadualkan pada tahun 2023, 2024 dan 2025, termasuk kes-kes yang telah dikemukakan cadangan penyelesaian. Jumlah ini menunjukkan peningkatan ketara kepada 51% berbanding tahun 2023, mencerminkan usaha berterusan dalam mempercepatkan proses penyelesaian rayuan dan meningkatkan kepercayaan pembayar cukai.

c. Menyelesaikan Kes Rayuan Borang Q Tertunggak

Jabatan Undang-Undang terus mempertingkatkan usaha penyelesaian kes rayuan Borang Q yang tertunggak sebagai langkah mempercepatkan proses keadilan dan memperkukuh keberkesanan litigasi cukai. Sehingga 31 Disember 2024, sebanyak 85% daripada kes tertunggak sehingga 31 Disember 2021 dan 30% daripada kes semasa yang didaftarkan sehingga 31 Disember 2024 telah berjaya diselesaikan. Secara keseluruhan, sebanyak 4,776 kes telah diselesaikan mewakili 73% daripada jumlah keseluruhan kes. Kejayaan ini mencerminkan komitmen Jabatan Undang-Undang dalam mempercepatkan proses penyelesaian kes secara berkesan dan teratur.



Objektif Strategik 4: Peluasan Jaringan Percukaian

a. Memperkasakan Pengurusan Data

Penyaluran maklumat yang tepat pada masanya kekal menjadi keutamaan LHDNM. Seiring dengan matlamat tersebut, Jabatan Perisikan dan Profiling telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk mempromosi penggunaan PINS dalam kalangan agensi kerajaan dan swasta, dengan fokus utama meningkatkan keberkesanan penyaluran maklumat dan data potensi.

Pengumpulan maklumat melalui PINS telah berjaya mengumpulkan sehingga 39,100,000 penyaluran maklumat dan data bagi tahun 2024, peningkatan 23% berbanding 31,722,721 pada tahun 2023. Peningkatan ini menunjukkan keberkesanan inisiatif Jabatan Perisikan dan Profiling dalam memperkukuh ekosistem pengurusan maklumat yang lebih pantas, tepat dan responsif.

Perkongsian maklumat antara agensi merupakan strategi utama yang membantu meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan. Dalam usaha ini, Jabatan Khas telah melaksanakan inisiatif pertukaran dan perbandingan data bersama agensi-agensi penguatkuasaan yang menggunakan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUAA).

Sehingga 30 Jun 2024, Jabatan Khas telah mengenalpasti 1,466 kes berpotensi melibatkan pelbagai entiti. Daripada jumlah tersebut, 566 kes (38.6%) adalah hasil kerjasama dan penemuan daripada agensi penguatkuasaan lain. Daripada kes-kes berpotensi ini, Jabatan Khas berjaya menjalankan dan menyelesaikan sebanyak 262 kes siasatan, mewakili kira-kira 46.28% daripada kes berpotensi yang dikenal pasti bersama rakan penguatkuasa.

Jabatan Siasatan terus memperkukuhkan kerjasama strategik dengan pelbagai agensi penguatkuasaan, jabatan dan institusi kewangan. Sehingga Disember 2024, Jabatan Siasatan telah berjaya menjalin 11 kerjasama, peningkatan ketara berbanding hanya empat (4) kerjasama pada tempoh yang sama tahun 2023. Pencapaian ini menzahirkan komitmen Jabatan Siasatan dalam memperluas jaringan kolaborasi dalam mempertingkatkan keberkesanan operasi penguatkuasaan.

b. Memperluas Liputan Ekonomi Bayangan

Ekonomi bayangan merupakan aktiviti yang sukar dikesan kerana individu dan perniagaan yang terlibat akan sentiasa berusaha menyembunyikan kegiatan mereka daripada pengawasan agensi penguatkuasaan. Jabatan Perisikan dan Profiling telah mengambil inisiatif meningkatkan penggunaan sistem GEOHASIL bagi mengesan, meminimakan dan membendung aktiviti ekonomi bayangan.

Bagi tahun 2024, Jabatan Perisikan dan Profiling telah melaksanakan enam (6) operasi profiling berskala besar menggunakan GEOHASIL, iaitu:

Bil	Operasi Profiling	Tarikh
1.	Lawatan Banci Bisnes Peringkat Nasional Bilangan 1/2024 di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (Ops Stardust)	26-28 Februari 2024
2.	Lawatan Banci Bisnes Peringkat Nasional Bilangan 2/2024 di Pulau Pinang (Ops Tanjung)	6-8 Mei 2024
3.	Lawatan Banci Bisnes Peringkat Nasional Bilangan 3/2024 di Johor (Ops Zapin)	30 Jun - 3 Julai 2024
4.	Lawatan Banci Bisnes Peringkat Nasional Bilangan 4/2024 di Sabah (Ops Bayu)	16-19 Julai 2024
5.	Lawatan Banci Bisnes Peringkat Nasional Bilangan 5/2024 di WP Putrajaya (Ops Metro)	19-22 Ogos 2024
6.	Lawatan Verifikasi Pembayaran Cukai Peringkat Nasional Bilangan 6/2024 di Sabah (Ops Lobster)	25-28 November 2024

Bagi meningkatkan kemahiran pegawai perisik dan penyiasat, Jabatan Perisikan dan Profiling telah melaksanakan latihan khusus berkaitan penggunaan sistem IBM i2Tools. Latihan ini bertujuan memperkukuh keupayaan pegawai dalam mengenal pasti, menganalisis dan mengekang aktiviti ekonomi bayangan secara lebih efektif dan berkesan. Sejalan dengan usaha tersebut, sebanyak lima (5) sesi taklimat telah dilaksanakan melibatkan penyertaan seramai 103 orang pegawai. Inisiatif ini mencerminkan komitmen berterusan Jabatan Perisikan dan Profiling dalam mempertingkatkan keupayaan pasukan dalam membanteras kegiatan ekonomi bayangan.

Teras Strategik 4

Pengurusan Organisasi Dinamik dan Berprestasi Tinggi

Modal insan merupakan tonggak utama dan aset paling berharga bagi sesebuah organisasi. Keperluan untuk memastikan LHDNM berada di tahap optimum dalam melaksanakan tugas dalam persekitaran percukaian yang semakin dinamik berkait rapat dengan modal insan yang menggerakkan keseluruhan operasi. Sehubungan itu, bagi memastikan aset utama LHDNM ini relevan dengan arus perubahan semasa, berkemahiran tinggi dan kompeten, pelbagai usaha telah dilaksanakan melalui penetapan empat (4) Objektif Strategik berikut sebagai penggerak:

- i. Hasilian Kompeten dan Profesional;
- ii. Persekitaran Kerja Kondusif dan Selamat;
- iii. Melestarikan Kepimpinan dan Kepakaran; dan
- iv. Organisasi Dinamik.

Objektif Strategik 1: Hasilian Kompeten Dan Profesional

a. Membentuk Hasilian Yang Berilmu dan Kompeten

Pembelajaran berterusan serta semangat untuk sentiasa meningkatkan kompetensi diri merupakan kunci utama yang diterapkan bagi melahirkan warga berilmu dan kompeten dalam kalangan Hasilian. Pada tahun 2024, seorang pegawai dari Jabatan Audit Dalam telah berjaya diiktiraf sebagai Juruaudit Bertauliah setelah berjaya dianugerahkan *Certified Internal Audit (CIA)* dari *The Institute of Internal Auditors (IIA)* pada 29 Oktober 2024. Seterusnya bagi memastikan lebih ramai pegawai di Jabatan Audit Dalam diiktiraf sebagai Juruaudit Bertauliah, seramai dua (2) orang pegawai sedang mengikuti kursus CIA (Part 2) dan seorang pegawai mengikuti kursus CIA (Part 3). Pengiktirafan

sebegini amat penting bagi meningkatkan lagi kecekapan pegawai dalam melaksanakan fungsi audit dalaman secara beretika, sistematik dan berkesan. Selain daripada itu, sesi libat urus serta lawatan penandaarasan di agensi kerajaan atau swasta terpilih turut dijalankan secara berterusan dari semasa ke semasa bagi mencapai maksud ini.

LHDNM sebagai agensi yang bertanggungjawab menyediakan dan mencadangkan penetapan dasar percukaian negara menuntut para pegawai yang terlibat untuk sentiasa didedahkan dengan kursus, bengkel, taklimat dan mesyuarat yang melibatkan industri khas, dalam dan luar negara serta perundangan baharu di peringkat antarabangsa yang merangkumi penyediaan perundangan baharu *Base Erosion and Profit Shifting (BEPS) Action 1, Pillar One* dan *Pillar Two* serta yang seumpamanya. Sehubungan itu, Jabatan Dasar Percukaian selaku jabatan yang terlibat secara langsung dalam dasar percukaian telah menghantar pegawai-pegawainya menghadiri pelbagai program berkaitan bagi menjayakan misi tersebut.

Bagi memantapkan lagi pengetahuan Hasilian berkenaan perkembangan terkini dalam percukaian antarabangsa, Jabatan Percukaian Antarabangsa telah mengadakan sesi *roadshow* secara fizikal dan secara dalam talian. Sepanjang tahun 2024, sebanyak 33 taklimat/ sesi pembelajaran telah berjaya dilaksanakan melibatkan penyertaan pegawai dari pelbagai bahagian, sekali gus memperkukuh kefahaman dan kesiapsiagaan dalam mengurus isu-isu percukaian rentas sempadan.

Nama Program

- i. Kursus Modul Percukaian Antarabangsa - *The Global Forum: A Tool to Combat Tax Evasion*;
- ii. *Knowledge Sharing: Global Tax and Legal Developments*;
- iii. Taklimat LFE: *The Principles and Essentials of Withholding*;
- iv. Taklimat LFE: *Taxation On e-Commerce*;
- v. *Malaysia Property Law Conference 2024*;
- vi. Mesyuarat *Working Party II* dan *Task Force on the Digital Economy (TFDE) (Pillar 1 and 2)*;
- vii. Mesyuarat *OECD Pillar Knowledge Sharing Network (PKSN)*;
- viii. Mesyuarat, Kursus, Bengkel dan Penyediaan Perundangan Baharu (TFDE) / *WP II Meeting / Pillar I dan Pillar II*; dan
- ix. *The Implementation and Commitment Process of the Crypto-Asset Reporting Framework*.

b. Memantapkan Pengurusan Pengetahuan (Knowledge Management)

Pengurusan pengetahuan yang mantap memerlukan sinergi antara manusia, teknologi dan proses yang disokong oleh budaya kerja yang terbuka, berdaya saing dan kesediaan untuk mempelajari ilmu atau kemahiran yang baharu.

Antara pendekatan yang diambil oleh LHDNM adalah dengan mendokumentasikan pengalaman pegawai yang telah bersara atau bakal pesara dari kalangan para pengarah di peringkat *Key Leadership* atau *Key Critical Position*. Sepanjang tahun 2024, sebanyak 10 sesi perkongsian telah berjaya diadakan di bawah seliaan Pusat Latihan Pengurusan, Akademi Percukaian Malaysia. Berikut adalah pegawai yang terlibat dalam sesi tersebut:

Bil	Nama	Jawatan	Tarikh
1.	Encik Kamarudin bin Hashim	Pengarah Cawangan Pembayar Cukai Besar	7 Februari 2024
2.	Encik Abdul Wahab bin Abd Ghani	Pengarah Operasi Negeri Siasatan, Selangor	13 Februari 2024
3.	YBhg. Datuk Suhaili bin Sudin	Pengarah LHDNM Pahang	8 Mac 2024
4.	Encik Abd Rahman bin Yusof	Pengarah Jabatan Teknologi Maklumat	20 Mei 2024
5.	Puan Nik Marzan binti Mohamad	Pengarah Bahagian, Cawangan Pembayar Cukai Besar	4 Julai 2024
6.	Encik Hishamudin bin Mohamed	Pengarah Jabatan Dasar Percukaian	26 Julai 2024
7.	Encik Yazid bin Ahmad	Pengarah Bahagian, Jabatan Teknologi Maklumat	16 Ogos 2024
8.	YBhg. Dato' Wan Ramiza binti Wan Ghazali	Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Dasar)	23 Ogos 2024
9.	Tuan Haji Kamarudzaman bin Bahrain	Pengarah Jabatan Perisikan dan Profiling	18 September 2024
10.	Encik Wan Mohd Zain bin Wan Ngah	Pengarah Bahagian Dasar dan Teknikal Siasatan, Jabatan Siasatan	27 September 2024

Selain perkongsian di peringkat dalaman, LHDNM juga turut mengadakan sesi perkongsian pengetahuan dengan badan penguatkuasa cukai luar negara di dalam program seperti yang disenaraikan di bawah:

- i. *44th Annual CATA Technical Conference - Crypto Currency/ Digital Assets: Challenges to Tax Administration;*
- ii. *IBFD International Tax Conference 2024;* dan
- iii. *Workshop for The Asia-Pacific Region On The Attribution Of Profit Of A Permanent Establishment.*

c. Menyediakan dan Menerbitkan Bahan Rujukan, Buku dan Artikel Berkaitan Percukaian

Selain mendokumentasikan pengalaman para pegawai, LHDNM turut menggalakkan penghasilan pelbagai penerbitan yang berkait dengan aspek percukaian negara. Bagi memenuhi hasrat ini, program latihan khusus telah dilaksanakan ke atas para tenaga pengajar akademik di Akademi Percukaian Malaysia pada tahun 2024. Kursus Penulisan Ilmiah ini telah dihadiri oleh 21 orang tenaga pengajar atau 84% daripada keseluruhan tenaga pengajar di Akademi Percukaian Malaysia. Selain itu, pelbagai program seumpamanya turut dilaksanakan dari semasa ke semasa bagi menggalakkan penerbitan bahan berkualiti berkaitan percukaian, sekali gus menyokong usaha melestarikan pengetahuan dan kepakaran dalam bidang percukaian.



Objektif Strategik 2: Persekitaran Kerja Kondusif Dan Selamat

Persekitaran kerja kondusif dan selamat ialah suasana bekerja para Hasilian yang boleh menyokong kesejahteraan fizikal dan mental, bebas daripada risiko bahaya serta mampu memperkukuh hubungan kerja yang positif dan profesional. Ia merupakan elemen penting dalam memastikan Hasilian dapat melaksanakan tugas dengan efektif, bersemangat dan bebas daripada risiko bahaya. Kerjasama dan tindakan berterusan yang dilaksanakan oleh Jabatan Logistik Korporat bersama-sama Jabatan Integriti dan Pengurusan Risiko amat membantu bagi memastikan Objektif Strategik ini dapat dicapai.

Antara tindakan yang diambil adalah dengan melaksanakan lawatan pemeriksaan, penilaian dan pemantauan Keselamatan Kesihatan dan Persekitaran Pekerjaan (KKP) di peringkat Jabatan serta Negeri. Hasil daripada tindakan berterusan ini mampu untuk meningkatkan motivasi, menyokong produktiviti dan mengembangkan kreativiti Hasilian dalam menyempurnakan segala tugas yang diamanahkan.

Objektif Strategik 3: Melestarikan Kepimpinan Dan Kepakaran

Bagi melahirkan pakar dalam organisasi yang bertujuan untuk memperkasa kecemerlangan operasi, memastikan pemilikan ilmu teknikal yang strategik dan membina kapasiti dalaman yang mampu memacu pertumbuhan mampan, LHDNM telah merangka Pelan Laluan Kepakaran yang telah dimulakan seawal tahun 2021 melalui Dasar Pelaksanaan Kemajuan Kerjaya Aliran Kepakaran. Empat (4) fungsi yang sesuai juga telah dikenal pasti dan diluluskan bagi merealisasikan pelaksanaan pelan ini iaitu Insurans, Kewangan, Petroleum dan Pindahan Harga. Buat pertama kalinya dalam sejarah LHDNM, lantikan pertama Pegawai Pakar, HGS S1 melibatkan empat (4) orang pegawai daripada setiap bidang kepakaran yang telah dilaksanakan pada Mac 2022. Pegawai Pakar tersebut adalah:

Bil	Nama	Cawangan	Bidang Kepakaran
1.	Masnurah binti Zain	Cawangan Industri Khusus	Insurans
2.	Siti Ramiza binti Razak	Cawangan Industri Khusus	Petroleum
3.	Shahreen binti Mahther	Cawangan Cukai Multinasional	Harga Pindahan
4.	Noriza binti Esa	Cawangan Industri Khusus	Kewangan

Geran Pakar atau Peruntukan Kewangan Khas Bagi Aktiviti Pakar telah diluluskan dan pelawaan iklan kemasukan ke aliran kepakaran telah dibuat pada Mac 2024. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Insan (MJPIIS) II Bilangan 9 Tahun 2024 yang bersidang pada 6 November 2024 telah meluluskan kenaikan pangkat empat (4) orang Pakar HGS S1 sedia ada kepada Pakar Kanan HGS S2 berkuat kuasa mulai 1 Januari 2025.

Pelaksanaan aliran kepakaran di LHDNM merupakan langkah strategik dalam memperkukuh keupayaan dalaman organisasi, meningkatkan daya saing serta memastikan LHDNM kekal adaptif, inovatif dan relevan dalam menghadapi persekitaran yang dinamik dan sentiasa berubah.

Selain itu, usaha memperkasa warga Hasilian dengan pengetahuan dalam bidang percukaian merentas negara telah dimulakan melalui pengenalan Modul Percukaian Antarabangsa secara berstruktur menerusi platform e-Learning. Sebagai permulaan, kursus dalam talian bertajuk Modul Percukaian Antarabangsa: *Introduction to Treaties* telah dilaksanakan dari 17 Januari hingga 17 Februari 2024.

Objektif Strategik 4: Organisasi Dinamik

Organisasi dinamik merujuk kepada sebuah organisasi yang fleksibel, responsif dan sentiasa bersedia untuk berubah mengikut perkembangan persekitaran dalaman dan luaran. Ia juga seharusnya sentiasa menyesuaikan strategi, struktur, proses dan budaya kerja bagi mencapai matlamat dengan lebih berkesan dalam dunia yang sentiasa berubah dan semakin mencabar. Selaras dengan landskap persekitaran yang sentiasa berubah, keupayaan Hasilian untuk beradaptasi dengan cabaran semasa adalah penting bagi memastikan organisasi terus kekal relevan, responsif dan mampan dalam menyampaikan perkhidmatan berkualiti. Komitmen ke arah matlamat ini dizahirkan melalui pelaksanaan strategi berikut:

a. Memperkasa e-Pembelajaran

Dalam tempoh lima (5) tahun bermula tahun 2021, LHDNM menyasarkan 80% aktiviti pembelajaran dilaksanakan secara e-Learning menjelang akhir tahun 2025. Akademi Percukaian Malaysia sebagai pusat latihan utama telah memainkan peranan penting dalam meningkatkan kompetensi warga Hasilian. Sepanjang tahun 2024, Akademi Percukaian Malaysia telah berjaya melaksanakan sebanyak 222 daripada 317 kursus secara dalam talian, mewakili 70.03% daripada keseluruhan kursus yang dijalankan. Pencapaian ini mencerminkan keupayaan Akademi Percukaian Malaysia dalam menyesuaikan pendekatan pembelajaran selaras dengan keperluan semasa dan transformasi digital.

Selaras dengan arus transformasi digital, LHDNM juga telah mengadaptasi kaedah pembelajaran dan latihan secara dalam talian sebagai norma baharu, menggantikan sebahagian besar kursus secara fizikal. Pendekatan ini bukan sahaja menjimatkan sumber, malah meningkatkan capaian pembelajaran di seluruh organisasi.

b. Pemantapan Modal Insan yang Fleksibel dan Dinamik


Modal insan merupakan penggerak utama sesebuah organisasi. Keupayaan organisasi untuk terus maju bergantung kepada usaha berterusan dalam membentuk barisan pegawai yang kompeten, adaptif dan berdaya saing agar mampu mengemudi perubahan persekitaran dalaman dan luaran dengan berkesan. Bagi mencapai hasrat ini, pelaksanaan program psikologi berkaitan *Change Management* telah dilaksanakan secara berperingkat. Program Pengurusan Perubahan dilaksanakan sebanyak dua (2) siri pada tahun 2022. Program ini juga telah dilaksanakan secara berfasa, dimulakan dengan penyertaan Pengurusan Atasan dan Pengarah-Pengarah sebagai langkah asas pengukuhan kepimpinan. Fasa seterusnya adalah pada tahun

2023 yang melibatkan pegawai eksekutif dan diperluaskan kepada pegawai bukan eksekutif pada tahun 2024. Ini adalah sebagai usaha menyeluruh dalam memperkasawarga organisasi di semua peringkat. Pelaksanaan program psikologi ini mengaplikasikan pendekatan yang dikenali sebagai *Top Down Approach* dan selaras dengan pelaksanaan FOBO.

c. Memantapkan Pengurusan Prestasi

Bermula dari 28 sehingga 29 November 2024, Jabatan Pengurusan Insan telah berjaya melaksanakan sesi *Train The Trainer (TTT)* secara bersemuka. Sesi ini bertujuan untuk memberi penerangan dengan lebih lanjut berhubung Arahan Pentadbiran Bilangan 3 Tahun 2023, Penambahbaikan Pelaksanaan Penilaian Prestasi Mulai Tahun Penilaian 2024 LHDNM dan memberi latihan berkaitan tatacara penggunaan Modul Prestasi 360, Sistem Pengurusan Insan (SPI).

Inisiatif ini merupakan persediaan ke arah peralihan daripada kaedah penilaian prestasi 90 darjah atau kaedah tradisional kepada penilaian prestasi 360 darjah. Pendekatan baharu ini melibatkan penilaian lebih komprehensif daripada pelbagai pihak termasuk Pegawai Penilai (PP), Rakan Sekerja (RS) dan Pegawai di Bawah Seliaan (PDS) terhadap Pegawai yang Dinilai (PYD), bagi memastikan penilaian yang lebih objektif, seimbang dan menyeluruh. Perubahan ini dibuat bagi membolehkan kaedah penilaian prestasi di LHDNM dilaksanakan dalam konteks yang lebih luas dan menyeluruh, tidak hanya bergantung kepada penilaian oleh Pegawai Penilai (PP) dan Pegawai Penilai Semula (PPS) semata-mata. Pendekatan ini bertujuan untuk mendapatkan gambaran yang lebih holistik terhadap prestasi pegawai menerusi pelbagai sudut pandangan. Kaedah penilaian baharu ini akan bermula pada tahun 2025.





d. Memperkasa Pengurusan Organisasi Secara *Lean Organisation*

Lean organisation merujuk kepada organisasi yang mengamalkan prinsip pengurusan yang menumpukan kepada penambahbaikan berterusan (continuous improvement), pengurangan pembaziran (waste elimination) dan penciptaan nilai optimum kepada pelanggan dalaman atau luaran melalui proses yang lebih efisien.

Bagi memastikan LHDNM beralih ke arah pengurusan organisasi berkonsepkan *lean organisation*, tindakan strategik telah diambil dengan menetapkan sasaran perubahan nisbah pegawai. Bermula dengan nisbah Pegawai Eksekutif kepada Pegawai Bukan Eksekutif sebanyak 39:61 pada tahun 2021, sasaran ini dijangka akan berubah kepada 60:40 menjelang tahun 2025. Pada tahun 2024, nisbah ini telah mencapai 46:54 dengan merujuk kepada statistik perjawatan sehingga 31 Disember 2024 dengan membuat perbandingan antara perjawatan dan pengisian perjawatan.







6 *Pencapaian 2024*

Pencapaian KPI 2024





Prestasi Kutipan Cukai 2024

1. KUTIPAN CUKAI LANGSUNG BERBANDING HASIL KERAJAAN PERSEKUTUAN

Petunjuk	2024	2023	2022
Kutipan Kasar (RM Bilion)	184.81	183.34	175.46
Peruntukan Tabung Bayaran Balik Cukai (TBBC) (RM Bilion)	13.00	22.00	14.00
Hasil Persekutuan (RM Bilion)	307.60*	291.50	294.36
Peratusan Kutipan Kasar Atas Hasil Persekutuan	57.39%	62.90%	59.61%

*Berdasarkan Tinjauan Fiskal Dan Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan Tahun Semasa

2. KUTIPAN CUKAI LANGSUNG BERSIH BERBANDING UNJURAN DISEMAK KERAJAAN

Petunjuk	2024	2023	2022
Kutipan Bersih (RM Bilion)	171.81	161.34	161.47
Unjuran Disemak Kerajaan (RM Bilion)	177.06*	163.02	151.48
Peratusan Kutipan Bersih Atas Unjuran Disemak	97.03%	98.97%	106.59%

*Berdasarkan Tinjauan Fiskal Dan Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan Tahun Berikut.

3. PUNGUTAN CUKAI LANGSUNG MENGIKUT KOMPONEN (RM BILION)

Komponen Cukai Langsung	2024	2023	2022
Syarikat	98.80	98.77	97.94
Petroleum	20.83	26.09	23.42
Individu	46.79	40.96	39.26
Koperasi	0.08	0.10	0.16
Duti Setem	10.45	9.62	8.08
Cukai Pegangan	4.28	4.31	3.68
Cukai Keuntungan Harta Tanah	2.51	1.96	2.13
Aktiviti Perniagaan Labuan	0.79	1.15	0.74
#Lain - lain	0.28	0.38	0.05
JUMLAH	184.81	183.34	175.46

#Lain-lain merangkumi bayaran Seksyen 124 ACP 1967, Cukai Keuntungan Modal (mulai 2024), bayaran mahkamah, faedah bank, hasil guaman, pendaftaran perniagaan dan bayaran perkhidmatan Seksyen 138B ACP 1967

4. PRESTASI PENGURUSAN TUNGGAKAN HASIL

Sehingga 31 Disember 2024, sebanyak 614,724 kes yang mempunyai tunggakan cukai telah diambil tindakan oleh Unit Pungutan Cawangan LHDNM. Pencapaian ini adalah meliputi 98.32% dari baki kes tahunan yang mempunyai tunggakan dan perlu diambil tindakan dengan jumlah tunggakan keseluruhan sebanyak RM34.59 bilion. Antara tindakan yang dilakukan adalah rundingan jadual ansuran bayaran, mengutip bayaran, mengeluarkan taksiran kurangan bagi rayuan pembayar cukai yang berjaya, tindakan pemungutan seperti pengeluaran perintah penahanan keluar negara, lantikan ejen kutipan, kaveat hartanah dan tindakan sivil di Mahkamah. Tindakan lanjut yang akan dilakukan bagi kes tunggakan adalah tindakan kebangkrapan, penggulungan syarikat dan hapus kira cukai.

5. PRESTASI PEMBAYARAN BALIK LEBIHAN BAYARAN

		2024	2023	2022
Selain Syarikat*	Bilangan Kes	2,635,856	3,216,362	2,233,080
	Amaun (RM Juta)	5,997.61	6,278.62	5,331.93
Syarikat**	Bilangan Kes	73,946	161,544	77,215
	Amaun (RM Juta)	6,390.88	16,895.50	9,131.73
Jumlah	Bilangan Kes	2,709,802	3,377,906	2,310,295
	Amaun (RM Juta)	12,388.49	23,174.12	14,463.66

*Selain Syarikat termasuk Bayaran Balik Duti Setem

**Syarikat termasuk Petroleum

6. PUNGUTAN MELALUI POTONGAN CUKAI BULANAN (PCB) BERBANDING PUNGUTAN HASIL KESELURUHAN

	2024	2023	2022
Pungutan Melalui Potongan Cukai Bulanan (RM Juta)	35,070.84	30,075.70	29,011.83
Pungutan Hasil (RM Juta)	184,805.14	183,339.59	175,464.87
Peratus Sumbangan	18.98%	16.40%	16.53%

7. PUNGUTAN PCB MENGIKUT KAEDAH PEMBAYARAN (RM JUTA)



8. PUNGUTAN CUKAI PEGANGAN (RM JUTA)

Tahun	Seksyen 107A	Seksyen 109 */ 109B	Seksyen 109C	Seksyen 109D	Seksyen 109E	Seksyen 109F	Bayaran Royalti Cukai Pegangan	Bayaran Faedah
2024	177.68	821.55	0.50	89.00	41.49	57.71	1,985.57	447.89
2023	121.00	3,723.03	0.02	79.57	0.00	3.64	19.48	1.67
2022	140.38	2,809.29	0.00	60.31	0.00	1.06	18.29	0.78

*Seksyen 109: Pada tahun 2024 bayaran Royalti dan Faedah telah diasingkan daripada Seksyen 109

9. TINDAKAN LARANGAN MENINGGALKAN NEGARA SEHINGGA 31 DISEMBER 2024

	Seksyen 104		Seksyen 22		Jumlah	
	Kes	RM Juta	Kes	RM Juta	Kes	RM Juta
Masih berkuatkuasa sehingga 1.1.2023	145,586	7,013.24	9,634	230.29	155,220	7,243.53
Kes Daftar 2023	29,810	678.81	1,785	36.3	31,595	715.11
Batal kes 2023	6,615	137.83	481	12.84	7,096	150.67
Masih berkuatkuasa sehingga 1.1.2024	168,781	7,554.22	10,938	253.75	179,719	7,807.97
Kes Daftar 2024	53,522	1,435.86	3,544	150.78	57,066	1,586.64
Batal kes 2024	43,697	825.05	2,153	48.93	45,850	873.98
Masih berkuatkuasa sehingga 31.12.2024	178,606	8,165.03	12,329	355.60	190,935	8,520.63

10. KEMUDAHAN PEMBAYARAN CUKAI (RM JUTA)

Tahun	Kaunter Bayaran* dan Melalui Mel	Kaunter Bank	Perbankan Internet	Jumlah
2024	15,706.62	7,168.94	161,929.58	184,805.14
2023	17,797.43	15,861.25	148,869.76	182,528.44
2022	13,514.16	26,237.59	135,713.12	175,464.87

* Kaunter bayaran bagi tahun 2024 adalah di Pusat Pengurusan Terimaan Hasil manakala tahun 2023 dan 2022 adalah di Pusat Bayaran Kuala Lumpur, Kuching dan Kota Kinabalu.

11. PERBANKAN INTERNET


Tahun	2024	2023	2022
Bilangan Transaksi	21,721,386	17,498,350	18,284,014
Amaun Dipungut (RM Juta)	161,986.03	148,869.76	135,713.12

12. ANGGARAN CUKAI SYARIKAT (BORANG CP204) DAN NOTIS BAYARAN ANSURAN INDIVIDU (BORANG CP500)

	2024	2023	2022
Bilangan Borang CP204 Diterima	296,554	278,842	267,433
Anggaran Cukai Borang CP204* (RM Juta)	84,107.86	82,079.37	83,926.52
Bilangan Borang CP500 Dikeluarkan	519,143	464,169	485,784
Amaun Notis Bayaran Ansuran Borang CP500** (RM Juta)	4,987.27	4,232.14	3,898.56

*Anggaran cukai yang dinyatakan dalam CP204 (bagi kategori syarikat, koperasi dan badan amanah) adalah anggaran terakhir yang dijana pada bulan Januari tahun berikutnya (selepas pindaan bulan ke-9 bagi TT2022 sehingga TT2023 dan selepas pindaan bulan ke-11 bagi TT2024).

**Amaun notis bayaran ansuran CP500 (bagi kategori selain syarikat) adalah anggaran terakhir yang dijana pada bulan Januari tahun berikutnya.





7 *Bantuan Khas Kerajaan*



Bantuan Khas Kerajaan 2024

Pengenalan

Bantuan Khas Kerajaan (BKK) yang mula dilaksanakan pada tahun 2012 merupakan inisiatif berterusan kerajaan untuk menyokong kesejahteraan rakyat, khususnya golongan berpendapatan rendah dan sederhana dalam menangani tekanan kos sara hidup yang semakin mencabar.

LHDNM melalui Seksyen Bantuan Khas Kerajaan, Jabatan Operasi Cukai telah diberi mandat sebagai agensi pelaksana bagi program Sumbangan Tunai Rahmah (STR), selaras dengan komitmen Kerajaan dalam memastikan penyampaian bantuan yang lebih bersasar, efisien dan berimpak besar kepada masyarakat.

Program STR yang memasuki tahun kedua pelaksanaannya pada 2024 merupakan penjenamaan semula daripada program Bantuan Tunai Kerajaan sebelum ini. Inisiatif ini diperkenalkan selaras dengan aspirasi Kerajaan MADANI di bawah konsep Payung Rahmah menekankan nilai keprihatinan, keinklusan dan kesejahteraan rakyat.

Bagi tahun 2024, kerajaan telah menyalurkan STR kepada 8.7 juta penerima, meliputi hampir 60% daripada penduduk dewasa Malaysia. Bantuan ini bertujuan untuk meringankan beban rakyat dalam menghadapi peningkatan kos sara hidup.

Penyusunan semula subsidi membolehkan kerajaan menambah baik dan meningkatkan pemberian tunai kepada rakyat melalui STR 2024 dalam memastikan isi rumah berpendapatan rendah terus diberi bantuan sewajarnya.

Pelaksanaan Program Bantuan Khas Kerajaan

Bermula 1 November 2023, individu yang layak boleh mengemukakan permohonan baharu atau mengemas kini maklumat mereka bagi tujuan penilaian kelayakan STR 2024. Proses ini dibuka sepanjang tahun bagi memastikan bantuan dapat disampaikan kepada golongan yang benar-benar memerlukan secara lebih inklusif dan bersasar.

Jadual Permohonan STR 2024 – Sepanjang Tahun

Cara Permohonan	Tarikh Permohonan	Kaedah Permohonan
Secara dalam talian	Mulai 1 November 2023	Melalui https://bantuantunai.hasil.gov.my
Secara manual/ fizikal		Hadir ke: <ul style="list-style-type: none"> • Pejabat LHDNM; atau • Pejabat Satelit (PS) LHDNM; atau • Pusat Khidmat Hasil (PKH) LHDNM; atau • Pusat Transformasi Bandar (UTC) LHDNM Dengan mengisi dan mengemukakan Borang Permohonan STR 2024.

Tarikh Permohonan dan Pembayaran STR 2024

Fasa	Tarikh Penghantaran Borang Permohonan baharu (Dalam Talian dan Borang Kertas)	Tarikh Pembayaran
1.	1 November 2023 - 30 November 2023	29 Januari 2024
2.	1 Disember 2023 - 29 Februari 2024	3 April 2024
3.	1 Mac 2024 - 30 Jun 2024	<ul style="list-style-type: none"> 29 Ogos 2024 (bagi permohonan sedia ada) 18 September 2024 (bagi permohonan baru / rayuan)
4.	1 Julai 2024 - 30 September 2024	7 November 2024

Jumlah Bayaran STR 2024



Kaedah Pelaksanaan Penerimaan SARA 2024

Tarikh Pelaksanaan	Negeri Terlibat	Kaedah Pelaksanaan SARA
22 Januari 2024	Kedah, Pulau Pinang, Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Putrajaya, Negeri Sembilan, Kelantan, Terengganu, Perlis, Perak, Pahang, Melaka, Johor, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan	Bantuan barangan keperluan tanpa tunai (cashless) berjumlah RM100/RM50 setiap bulan mengikut kategori bagi tempoh 12 bulan (Januari 2024-Disember 2024) secara automatik melalui akaun yang dibuka menggunakan MyKad penerima bagi pembelian di pasar raya kedai runcit terpilih seluruh negara
29 Januari 2024	Perlis, Perak, Pahang, Melaka dan Johor	
19 Februari 2024 & 12 Ogos 2024	Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan	Bayaran RM600/RM300 dua kali setahun mengikut kategori melalui pengkreditan ke akaun bank/secara tunai di cawangan Bank Simpanan Nasional (BSN) seluruh negara

Kategori Penerima SARA 2024

Status Miskin Tegar & eKASIH



Kolaboratif Agensi

Pembentukan Dasar Kerajaan

Hasil daripada usaha LHDNM mengadakan kolaboratif dengan agensi-agensinya kerajaan untuk mengumpul maklumat melalui pelaksanaan STR, LHDNM telah bertindak sebagai pusat data B40 negara untuk kerajaan. Data STR telah memberi manfaat kepada kerajaan dalam melaksanakan sesuatu dasar sebagai rujukan dan analisis bagi pelaksanaan sesuatu program.

LHDNM telah diminta untuk membantu dalam membekal dan verifikasi data untuk beberapa program baharu kerajaan. Antara sebahagian program-program utama pembuat dasar yang terlibat akan memerlukan kepakaran verifikasi data serta kecekapan sistem STR LHDNM adalah seperti berikut:

- **SARA**

SARA adalah sumbangan tambahan RM600 kepada penerima STR dalam kategori miskin tegar berdasarkan data eKasih. Ia boleh digunakan untuk pembelian barangan keperluan makanan asas di pasaraya / kedai runcit terpilih seluruh negara dengan menggunakan MyKad. Lebih 212,112 penerima STR dalam kategori miskin tegar berdasarkan data eKasih telah menerima SARA mulai Isnin, 17 Julai 2023 berjumlah RM600 dengan jumlah anggaran RM127 juta bagi mendapatkan keperluan barangan makanan asas.

- **mySalam (Tabung Amanah mySalam)**
mySalam merupakan sebuah inisiatif skim takaful perlindungan kesihatan percuma oleh Kerajaan yang memberikan perlindungan takaful kepada individu yang layak menerima manfaat Skim Perlindungan Masyarakat mySalam melalui Tabung Amanah mySalam.
- **Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA)**
Permohonan semakan silang bagi Program MITRA - 2023 Bakul Prihatin.
- **Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ)**
Permohonan semakan senarai nama penerima STR oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) yang merupakan golongan B40 bagi Program MyPSV (JPS).
- **Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)**
Permohonan perkongsian data penerima STR bagi pengemaskinian data kelayakan Skim Peduli Kesihatan untuk kumpulan B40 (PeKa B40) Dan Skim Perubatan Madani.
- **Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)**
Semakan pendapatan keluarga bagi permohonan kemasukan ke Program Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) Sesi 2023/2024
- **Lembaga Tabung Haji (LTH)**
Permohonan untuk mendapatkan maklumat kumpulan B40 bagi tujuan semakan silang dengan senarai jemaah Haji musim 1445H/2024 Untuk Program Penetapan Bayaran Haji Jemaah Haji Muassasah.
- **Kementerian Komunikasi Digital (KKD)**
Permohonan data B40 terkini untuk Pakej Rahmah di bawah Kementerian Komunikasi Dan Digital (KKD) khusus pada golongan B40.
- **Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)**
Permohonan data penerima STR bagi Program Dermasiswa B40 Tahun 2023.
- **Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)**
Permohonan penggunaan data Kementerian Kewangan dalam pembangunan DOSM - Sistem Pangkalan Data Utama (PADU).

Sumbangan Asas Rahmah (SARA)

Sumbangan Asas Rahmah (SARA) merupakan bantuan tambahan kepada penerima STR yang berstatus Miskin dan Miskin Tegar dalam pangkalan data eKasih. Pelaksanaan SARA telah ditambah baik pada tahun 2024 bagi memenuhi keperluan barangan asas harian dari Januari hingga Disember 2024. Bantuan ini disalurkan dalam bentuk pembelian tanpa tunai sebanyak RM100 atau RM50 sebulan, dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM1,200 atau RM600 setahun, bergantung kepada kelayakan penerima.

Peranan LHDNM bagi program SARA ini adalah sebagai pembekal data penerima STR sahaja. Manakala pengoperasian dan perjalanan program ini dilaksanakan oleh pihak Kementerian Kewangan Malaysia (MOF).

Permohonan Dan Perkongsian Data B40 Daripada Agensi Luar

Pihak urus setia Bantuan Khas Kerajaan (BKK) menerima sejumlah besar permohonan daripada pelbagai agensi luar yang memohon untuk mendapatkan akses kepada data kumpulan B40, khususnya maklumat penerima STR.

Bagi memastikan integriti dan kerahsiaan data terpelihara, setiap permohonan perkongsian data perlu mendapatkan kelulusan rasmi daripada MOF sebelum sebarang data dikongsi. Langkah ini diambil bagi mengelakkan penyalahgunaan maklumat oleh pihak yang tidak berautoriti. Berikut adalah di antara senarai agensi utama yang telah mengemukakan permohonan untuk perkongsian data B40:



Bil.	Nama Agensi / Pemohon
1.	Bahagian Pembangunan Modal Insan, Jabatan Perkhidmatan Awam
2.	Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN) Pahang
3.	Bahagian Siasatan Jenayah Komersil, Ibu Pejabat Polis Daerah Wangsa Maju
4.	Cawangan Siasatan Jenayah Khas (D9), Ibu Pejabat Polis Daerah Seberang Perai Tengah Pulau Pinang
5.	Great Eastern Takaful
6.	Ibu Pejabat Polis Daerah Kuantan, Pahang
7.	Jabatan Audit Negara
8.	Jabatan Pendaftaran Negara
9.	Jabatan Pengangkutan Jalan
10.	Jabatan Perangkaan Malaysia
11.	Jabatan Perangkaan Malaysia - Kementerian Ekonomi
12.	Jabatan Perdana Menteri
13.	Kementerian Ekonomi
14.	Kementerian Kesihatan Malaysia
15.	Kementerian Kewangan
16.	Kementerian Komunikasi
17.	Kementerian Pelajaran Malaysia, Bahagian Matrikulasi
18.	Kementerian Pembangunan Wanita, Kanak- Kanak dan Kesejahteraan Komuniti Sarawak
19.	Kementerian Pendidikan Tinggi
20.	Ketua Balai Polis Bukit Yong Ibu Pejabat Polis Daerah Pasir Puteh
21.	Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM)
22.	Lembaga Tabung Haji
23.	Langkawi Kedah
24.	N33 DAP Air Itam
25.	Pejabat Daerah Kluang
26.	Pejabat Pembangunan Negeri Wilayah Persekutuan, Unit Penyelarasan Perlaksanaan
27.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis
28.	Pengurusan Data - Intervensi Pasaran Buruh (JKPDLM) Institut Maklumat Dan Analisis Pasaran Buruh (ILMIA)
29.	Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional
30.	Pertubuhan Keselamatan Sosial

Bil.	Nama Agensi / Pemohon
31.	PMO Pasukan Kerja Pembangunan Sistem Pangkalan Data Utama (PADU)
32.	Prasarana Malaysia Berhad
33.	Pusat Pemulihan Khas Bintulu Sarawak
34.	Regional Corridor Development Authority
35.	Seksyen Khidmat Pelanggan
36.	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Sarawak
37.	Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Perak
38.	Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Sarawak

Laporan Statistik

Statistik Penerimaan dan Pengagihan STR 2024

Nama Bantuan	Jumlah Penerima	Amaun Bantuan Yang Diluluskan (RM)	Amaun Bantuan Telah Diagihkan (RM)	Peratus (%)	Tarikh Bayaran
STR	8,685,024	6,769,800,900	6,769,800,900	100	29 Januari 2024

Data	Fasa	Jumlah Permohonan	Jumlah Penerima	Jumlah Bayaran	Tarikh Bayaran
Permohonan Baharu dan Sedia Ada	1	9,308,850	8,179,891	RM2,069,540,900	29 Januari 2024
Permohonan Baharu, Rayuan dan Sedia ada	2	9,619,099	8,374,953	RM1,522,172,150	Mulai 3 April 2024
Permohonan Baru, Rayuan Dan Sedia Ada	3	9,842,231	8,651,826	RM1,468,789,050	29 Ogos 2024 (Sedia ada) 18 September 2024 (Permohonan baharu Rayuan)
Permohonan Baharu, Rayuan dan Sedia Ada	4	9,895,363	8,685,024	RM1,709,298,800	7 November 2024

Jumlah permohonan, penerima dan bayaran adalah berdasarkan:

- Implikasi kewangan Bayaran Fasa 1 STR 2024
- Implikasi kewangan Bayaran Fasa 2 STR 2024
- Implikasi kewangan Bayaran Fasa 3 STR 2024
- Implikasi kewangan Bayaran Fasa 4 STR 2024



Statistik Permohonan STR 2024 Mengikut Negeri

Negeri	Jumlah Permohonan	Jumlah Lulus	Jumlah Bayaran (RM)
Johor	1,189,548	1,059,206	819,854,900
Kedah	785,632	713,192	572,935,500
Kelantan	667,418	610,060	505,511,350
Melaka	305,728	268,016	202,136,500
Negeri Sembilan	387,800	339,637	259,786,100
Pahang	522,813	472,275	384,942,800
Perak	918,748	825,329	624,805,650
Perlis	101,494	87,994	71,374,500
Pulau Pinang	519,339	454,676	329,666,350
Sabah	967,842	836,987	699,864,550
Sarawak	1,036,395	901,668	707,203,150
Selangor	1,493,256	1,258,109	931,872,050
Terengganu	442,686	399,481	337,873,550
W.P. Kuala Lumpur	517,257	425,676	297,228,100
W.P. Labuan	25,392	22,438	18,103,000
W.P. Putrajaya	14,015	10,280	6,642,850

Statistik Penerima STR Berstatus Miskin Tegar Sebagai Penerima SARA

Jumlah Penerima	Jumlah Keseluruhan Bayaran (RM)
8,693,527	2,464,626,300

Negeri Terlibat

Kedah, Pulau Pinang, Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, Negeri Sembilan, Kelantan dan Terengganu, Perlis, Perak, Pahang, Melaka dan Johor, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan

Kaedah Pelaksanaan SARA

Bantuan barangan keperluan asas tanpa tunai (cashless) berjumlah RM100 setiap bulan bagi tempoh 6 bulan (Julai-Disember 2023) secara automatik melalui akaun yang dibuka menggunakan MyKad penerima bagi pembelian di pasar raya/kedai runcit terpilih seluruh negara.

Bayaran RM600 sekali gus melalui pengkreditan ke akaun bank/secara tunai di cawangan Bank Simpanan Nasional (BSN) seluruh negara.

Program MADANI Rakyat (PMR) di Zon Tengah, Zon Utara, Zon Timur, Zon Selatan, Zon Sarawak dan Zon Sabah



Program Kaunter Penunai STR 2024 di Kawasan Pedalaman Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak



Pembukaan Kaunter Luar STR 2024 (Jemputan Agensi Luar)







8 *Anugerah dan Pengiktirafan*

Anugerah dan Pengiktirafan



- 1** Anugerah Most Impactful Public Sector Agency Driving Digital Adoption
Majlis Top In Tech Innovation Awards 3rd Edition 2024

Anjuran: MalaysiaKini & Digital News Asia

Tarikh: 28 Februari 2024

- 2** MFPC Excellence In Financial Planning Advancement Award
(Community Engagement And Positive Impact)

Anjuran: Malaysian Financial Planning Council

Tarikh: 16 Mei 2024



- 3** Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan Peringkat Kebangsaan Tahun 2023
Pengiktirafan 5 Bintang (Cemerlang) Dalam Pematuhan Keselamatan Perlindungan

Anjuran: Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO)

Tarikh: 18 Mei 2024

- 4** Pelantikan Sebagai Agensi Penyedia Perkhidmatan Digital Bersepadu

Anjuran: Jabatan Digital Negara, Kementerian Digital

Tarikh: 12 September 2024



- 5 Anugerah *Excellence In Learning and Development (Silver Awards)* Human Resources Excellence Awards 2024

Anjuran: Human Resources Online


Tarikh: 18 Oktober 2024

- 6 Anugerah Kecemerlangan *Quality Assessment System In Construction (QLassic)* dan Anugerah Tertinggi QLassic (Kategori Projek Kerajaan)

Anjuran: Kementerian Kerja Raya dan CIDB Malaysia

Tarikh: 22 Oktober 2024





7 Audit OSHWA Gred Pemeriksaan Tempat Kerja (LHDNM Negeri Sembilan)

Anjuran: Kementerian Sumber Manusia
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negeri Sembilan

Tarikh: 24 Oktober 2024

8 Anugerah *Digital Transformation Excellence* Pos Malaysia - POS DigiCert Digital Trust Symposium

Anjuran: POS DigiCert Sdn Bhd


Tarikh: 29 Oktober 2024



9 Audit OSHA Gred Pemeriksaan Tempat Kerja (LHDNM Perak - Lokaliti Ipoh)

Anjuran: Kementerian Sumber Manusia
Jabatan Keselamatan dan
Kesihatan Pekerjaan Perak

Tarikh: 5 November 2024



10 *Tahniah*
LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA



10 Audit OSHA Gred Pemeriksaan Tempat Kerja (LHDNM Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur)

Anjuran: Kementerian Sumber Manusia
Jabatan Keselamatan dan
Kesihatan Pekerjaan Wilayah
Persekutuan Kuala Lumpur

Tarikh: 26 November 2024



12 Anugerah *Transformative Agency of The Year*

Anjuran: *GovInsider Asia*

Tarikh: 20 November 2024



13 Penganugerahan Sijil Ketua Audit Negara Penyata Kewangan LHDNM Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2023

Anjuran: Jabatan Audit Negara

Tarikh: 12 Disember 2024



Sekalung Tahniah

YBhg. Datuk Dr Abu Tariq Bin Jamaluddin

Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

atas perlantikan yang mewakili Malaysia, sebagai

Presiden

**Commonwealth Association of Tax Administrators
(CATA)**

bagi tempoh

2024 - 2027







9 *Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR)*

Program Tanggungjawab Sosial Korporat

LHDNM komited untuk melaksanakan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) sebagai sebahagian daripada usaha membina hubungan yang kukuh dengan masyarakat dan menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi negara secara holistik.

Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) HASiL Kasih Prihatin dirangka untuk memberi manfaat menyeluruh kepada komuniti melalui pelbagai inisiatif yang menyokong bidang pendidikan, kebajikan sosial, kelestarian alam sekitar serta pengukuhan nilai-nilai murni dalam kalangan warga kerja dan masyarakat.

Pelaksanaannya digerakkan secara menyeluruh melalui Pejabat Pengarah Negeri LHDNM di seluruh negara dengan penekanan kepada inisiatif khidmat masyarakat yang inklusif dan berimpak tinggi.

Setiap inisiatif ini sejajar dengan nilai-nilai MADANI serta menyokong pencapaian Agenda 2030 Matlamat Pembangunan Mampan (SDG). LHDNM kekal komited untuk menjadi pemangkin kepada pembangunan komuniti dan negara melalui pelaksanaan tanggungjawab sosial yang mampan dan berterusan.

1

JANUARI 2024

PROGRAM ECO-FRIENDLY WALK: LET'S ENJOY & PROTECT OUR BEACH

16 Januari 2024



Lokasi: Pantai Teluk Senangin, Lumut Perak anjuran Srikandi LHDNM Ipoh

- Aktiviti:
- Membersihkan pantai dengan kerjasama dengan Jabatan Kesihatan Persekitaran dan Perkhidmatan Bandar, Majlis Perbandaran Manjung, Perak; dan
 - Pemeliharaan flora dan fauna dan pemuliharaan penyu di Segari Turtle Sanctuary, Lumut, Perak.

PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR) HASIL PRIHATIN NEGERI KELANTAN

29 Januari 2024



Lokasi : Rumah Seri Kenangan, Taman Kemumin, Pangkalan Chepa, Kelantan

Aktiviti: i. Menziarahi dan menyantuni penghuni warga emas Rumah Seri Kenangan; dan
ii. Penyerahan mock cheque kepada Masjid Ibadur Rasheed Pasir Puteh.

Sumbangan: i. Barang keperluan warga emas kepada Rumah Seri Kenangan; dan
ii. Wang tunai kepada Masjid Ibadur Rasheed untuk tujuan pembinaan dan penambahbaikan.

3

MAC 2024

PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR) SEMPENA SAMBUTAN HARI HASIL 2024

2 MAC 2024



Lokasi: Ibu Pejabat Menara HASiL, Cyberjaya

Aktiviti: i. Sukan, riadah dan aktiviti kanak-kanak; dan
ii. Penyediaan kaunter perkhidmatan agensi.

3

MAC 2024

PROGRAM MAHABBAH RAMADAN HASIL 2024

27 MAC 2024



Lokasi: Dewan Serbaguna, Masjid Raja Haji Fi Sabilillah, Cyberjaya

Aktiviti: i. Menyantuni anak-anak yatim dan golongan asnaf; dan
ii. Penyampaian sumbangan Ramadan oleh YB Senator Datuk Seri Amir Hamzah bin Azizan, Menteri Kewangan II kepada keluarga asnaf dan rumah kebajikan anak-anak yatim terpilih.

Sumbangan: i. Wang tunai kepada 10 keluarga asnaf dan (5) rumah kebajikan anak-anak yatim; dan
ii. Duit raya kepada anak-anak yatim.

PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR) HASIL PRIHATIN PERINGKAT NEGERI KEDAH

28 MAC 2024



Lokasi: Baling, Kedah

Aktiviti: Penyampaian 'Food Pack Ramadan' kepada Golongan Asnaf.

Sumbangan: Barangan dan keperluan asas seperti beras, minyak masak, telur dan gula.

7

JULAI 2024

PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR) HASIL PRIHATIN PERINGKAT NEGERI PERAK

4 JULAI 2024



Lokasi: Sekolah Kebangsaan Tasik Raban, Lenggong, Perak

Aktiviti: i. Program CSR HASIL Perak Bersama Pejabat Menteri Besar Negeri Perak;
ii. Penyerahan sumbangan tunai kepada pihak sekolah;
iii. Penyerahan sumbangan tunai kepada golongan asnaf; dan
iv. Penyerahan sumbangan tunai kepada sukarelawan petugas Kejohanan Olahraga Zon Lenggong (Bawah 12 Tahun MSSD HUPK Zon Lenggong 2024).

8

OGOS 2024

PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR) HASIL PRIHATIN PERINGKAT NEGERI SABAH

9 OGOS 2024



- Lokasi: Taman Tasik, Kompleks Sukan Kota Kinabalu, Sabah
- Aktiviti:
- i. Program CSR Team HASIL Sabah bersama Lembaga Sukan Sabah;
 - ii. Keceriaan kawasan dan tanaman anak pokok; dan
 - iii. Pembinaan mercu tanda baharu Kompleks Sukan Likas.

9

SEPTEMBER 2024

PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR) HASIL PRIHATIN PERINGKAT NEGERI SELANGOR

1 SEPTEMBER 2024



- Tarikh: 1 September 2024
- Lokasi: Rumah Kasih Harmoni Paya Jaras, Sungai Buloh, Selangor
- Aktiviti:
- i. Pemasangan papan tanda baru Rumah Kasih Harmoni; dan
 - ii. Penyerahan sumbangan kepada Rumah Kasih Harmoni Paya Jaras.

10 OKTOBER 2024

PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR) : SUKAN DAN KECERIAAN DI PUSAT PEMULIHAN DALAM KOMUNITI (PPDK) KUANTAN

5 OKTOBER 2024



Lokasi: Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK) Kuantan, Kuantan, Pahang

Aktiviti:

- i. Menyantuni 41 orang anak-anak istimewa di Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK) Kuantan;
- ii. Aktiviti riadah dan sukan bersama anak-anak PPDK; dan
- iii. Penyampaian sumbangan peralatan sukan dan wang tunai kepada PPDK.

PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR) HASIL PRIHATIN PERINGKAT NEGERI SARAWAK 2024

5 OKTOBER 2024



Lokasi: Rumah Kanak-Kanak Toh Puan Hajah Norkiah Kuching, Kuching, Sarawak

Aktiviti: Penyerahan sumbangan peralatan pembelajaran dan barangan keperluan harian kepada Rumah Kanak-Kanak Toh Puan Hajah Norkiah Kuching.

11

NOVEMBER 2024

PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR) HASIL PRIHATIN PERINGKAT NEGERI MELAKA 2024

6 NOVEMBER 2024



Lokasi: Politeknik Merlimau Melaka (PPM)

Aktiviti: i. *Taxplorace* bersama pelajar-pelajar PPM; dan
ii. Penyerahan sumbangan.

Sumbangan: i. Projektor dan pembesar suara mudah alih kepada Jabatan Perdagangan, Politeknik Merlimau Melaka (PPM) untuk kegunaan pembelajaran; dan
ii. Pergola dan gazebo kepada Majlis Perbandaran Jasin untuk kegunaan pengunjung dan komuniti setempat.

Yayasan LHDNM

Yayasan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (YLHDNM) merupakan sebuah Syarikat Berhad menurut jaminan yang telah ditubuhkan oleh LHDNM pada 6 Oktober 2017.

Penubuhan YLHDNM ini bertujuan untuk menjalankan aktiviti-aktiviti yang dapat memberi manfaat dan kebajikan kepada pegawai-pegawai LHDNM serta keluarga seperti pendidikan, kesihatan, penyelidikan, alam sekitar, sosial dan sukan.

YLHDNM ditadbir oleh Lembaga Pemegang Amanah yang dilantik oleh LHDNM dalam menjalankan fungsi yang digariskan dalam Perlembagaannya.



Pada tahun 2024, YLHDNM telah melaksanakan pelbagai aktiviti melibatkan program pendidikan seperti pemberian insentif pendidikan kepada pelajar cemerlang SPM, pemberian Insentif Khas Pengajian Tinggi dan penajaan Biasiswa. YLHDNM turut menyumbang dalam aktiviti kebajikan dan kerohanian seperti Bantuan Bencana Alam, dan Insentif Mengerjakan Haji bagi pegawai LHDNM. Bagi mempromosikan keseimbangan antara tugas di LHDNM dan hubungan kekeluargaan yang berkualiti, YLHDNM telah memperkenalkan Insentif Khas kepada pegawai LHDNM bagi pelaksanaan program rekreasi di peringkat pelancongan domestik negara.





10 *Penyata Kewangan*





**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024**

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2024 Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dan Kumpulan dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Aliran Tunai, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 3 hingga 55.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dan Kumpulan pada 31 Disember 2024 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995 [*Akta 533*].

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperolehi adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Lembaga, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Lembaga Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995 [Akta 533]. Lembaga juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dan Kumpulan, Lembaga bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;
- b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dan Kumpulan;
- c. menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga;
- d. membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia atau Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan pada masa hadapan berkemungkinan menyebabkan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia atau Kumpulan tidak lagi berupaya meneruskan operasi secara usaha berterusan;
- e. menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dan Kumpulan, termasuk pendedahannya, dan sama ada penyata kewangan tersebut telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama; dan
- f. mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju, pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.

Lembaga telah dimaklumkan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995 [Akta 533], saya juga melaporkan entiti dikawal yang tidak diaudit oleh saya, telah dinyatakan di Nota 6 dalam penyata kewangan.

Hal-hal Lain

Sijil ini dibuat untuk Lembaga, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia berdasarkan keperluan Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995 [Akta 533] dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.



(DATO' SERI WAN SURAYA WAN MOHD RADZI)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
24 NOVEMBER 2025



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

**PENYATA Pengerusi dan Seorang Anggota Lembaga
LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

Kami, **DATUK JOHAN MAHMOOD MERICAN** dan **PUAN NOR YATI BINTI AHMAD** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Anggota Lembaga **LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA** dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Anggota Lembaga, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar yang berikut ini berserta dengan Nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan **LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA** pada 31 Disember 2024 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut.


Bagi pihak Lembaga,



DATUK JOHAN MAHMOOD MERICAN
Pengerusi Lembaga

15 Mei 2025

SELANGOR



PUAN NOR YATI BINTI AHMAD
Anggota Lembaga

15 Mei 2025

SELANGOR

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG
BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN
LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

Saya, **RAZALI BIN BACHOK**, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan **LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan Nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya
diakui oleh penama di atas,
di Selangor
Pada *14* Mei 2025

)
)
)
)
)



RAZALI BIN BACHOK

Di hadapan saya,



PESURUHJAYA SUMPAH



Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
Selangor - Jelang
Melayu Hasil
Perangkaan Kewangan
01/01/2024

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
PADA 31 DISEMBER 2024

	Nota	KUMPULAN			LHDNM		
		31.12.2024	31.12.2023	01.01.2023	31.12.2024	31.12.2023	01.01.2023
		RM	RM	RM	RM	RM	RM
			Seperti Dinyatakan Semula	Seperti Dinyatakan Semula		Seperti Dinyatakan Semula	Seperti Dinyatakan Semula
ASET BUKAN SEMASA							
Hartanah, Loji dan Peralatan	3	1,699,048,032	1,748,651,709	1,683,295,592	1,699,048,032	1,748,651,709	1,683,295,592
Aset Tak Ketara	4	89,895,738	47,701,183	90,069,713	89,895,738	47,701,183	90,069,713
Kerja Dalam Kemajuan	5	32,132,577	17,400,328	33,048,870	32,132,577	17,400,328	33,048,870
Pelaburan Entiti Dikawal	6	-	-	-	1,000,000	1,000,000	1,000,000
Pelaburan Unit Amanah	7	9,629,913	9,961,243	-	-	-	-
Pelaburan Sedia Dijual	8	21,218,152	18,420,281	11,357,838	-	-	-
Pembiayaan Pekerja	9	1,218,540	1,309,459	1,002,518	1,218,540	1,309,459	1,002,518
		1,853,142,952	1,843,444,203	1,818,774,531	1,823,294,887	1,816,062,679	1,808,416,693
ASET SEMASA							
Pembiayaan Pekerja	9	977,054	912,671	789,041	977,054	912,671	789,041
Wang Cagaran dan Prabayar	10	4,544,025	4,487,116	4,770,152	4,544,025	4,487,116	4,770,152
Bayaran Pendahuluan	11	1,121,416	1,262,527	7,654,354	1,121,416	1,262,527	7,654,354
Pelbagai Penghutang	12	1,417,947,124	703,643,880	1,074,183,533	1,417,345,697	702,856,295	1,073,817,579
Tunai dan Kesetaraan Tunai	13	97,740,725	767,005,426	1,206,593,520	18,793,152	689,552,059	1,114,946,331
		1,522,330,344	1,477,311,620	2,293,990,600	1,442,781,344	1,399,070,668	2,201,977,457
JUMLAH ASET		3,375,473,296	3,320,755,823	4,112,765,131	3,266,076,231	3,215,133,347	4,010,394,150
LIABILITI BUKAN SEMASA							
Manfaat Pekerja	14	2,216,542,222	2,119,913,965	2,007,788,503	2,216,542,222	2,119,913,965	2,007,788,503
Pinjaman Berjangka	15	119,181,611	78,759,936	94,774,936	119,181,611	78,759,936	94,774,936
		2,335,723,833	2,198,673,901	2,102,563,439	2,335,723,833	2,198,673,901	2,102,563,439
LIABILITI SEMASA							
Manfaat Pekerja	14	140,089,379	145,330,734	181,603,526	140,089,379	145,330,734	181,603,526
Pinjaman Berjangka	15	33,374,078	16,015,000	16,015,000	33,374,078	16,015,000	16,015,000
Peruntukan Yuran Audit		263,953	142,853	110,000	254,953	133,853	110,000
Kumpulan Wang Pembangunan	16	-	-	5,781,981	-	-	5,781,981
Pelbagai Pemiutang	17	454,641,795	554,040,557	668,894,321	452,914,164	552,888,040	667,809,612
Deposit	18	4,229,768	4,257,303	3,115,295	4,229,768	4,257,303	3,115,295
Peruntukan Cukai		378,009	720,067	194,062	-	-	-
		632,976,982	720,506,514	875,714,185	630,862,342	718,624,930	874,435,414
JUMLAH LIABILITI		2,968,700,815	2,919,180,415	2,978,277,624	2,966,586,175	2,917,298,831	2,976,998,853
ASET BERSIH							
Kumpulan Wang Amanah	19	9,223,912	8,403,292	7,059,343	9,223,912	8,403,292	7,059,343
Kumpulan Wang Pelaburan	20	154,557,060	154,535,665	152,619,245	154,557,060	154,535,665	152,619,245
Kumpulan Wang Pinjaman	21	18,447,931	18,360,627	18,284,821	18,447,931	18,360,627	18,284,821
Kumpulan Wang Tabung Amanah Kesihatan	22	(6,097,077)	(6,183,978)	-	(6,097,077)	(6,183,978)	-
Rizab Penilaian Semula Pelaburan		876,028	319,527	-	-	-	-
Lebihan Terkumpul		229,764,627	226,140,275	956,524,098	123,358,230	122,718,910	855,431,888
JUMLAH ASET BERSIH		406,772,481	401,575,408	1,134,487,507	299,490,056	297,834,516	1,033,395,297
JUMLAH LIABILITI DAN ASET BERSIH		3,375,473,296	3,320,755,823	4,112,765,131	3,266,076,231	3,215,133,347	4,010,394,150

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asas Penyata Kewangan ini

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

PENYATA PRESTASI KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

	Nota	KUMPULAN		LHDNM	
		2024	2023	2024	2023
		RM	RM	RM	RM
			Seperti Dinyatakan Semula		Seperti Dinyatakan Semula
Hasil	23	2,800,541,062	2,160,711,642	2,800,541,062	2,160,711,642
Pendapatan Operasi Lain	24	6,456,918	8,856,500	6,307,535	8,789,151
Pendapatan Daripada Pelaburan dan Pinjaman	25	26,184,123	34,753,957	19,819,928	29,689,650
		2,833,182,103	2,204,322,099	2,826,668,525	2,199,190,443
Kos Pekerja	26	(1,892,847,768)	(1,925,606,926)	(1,892,847,768)	(1,925,606,926)
Susut Nilai Hartanah, Loji dan Peralatan	3	(77,692,331)	(64,042,550)	(77,692,331)	(64,042,550)
Susut Nilai Aset Tak Ketara	4	(44,519,775)	(44,106,506)	(44,519,775)	(44,106,506)
Perbelanjaan Operasi Lain	27	(806,683,611)	(880,666,872)	(803,777,648)	(878,390,376)
Kos Kewangan	28	(6,175,463)	(4,045,240)	(6,175,463)	(4,045,240)
		(2,827,918,948)	(2,918,468,094)	(2,825,012,985)	(2,916,191,598)
Lebihan/ (Kurangan) Sebelum Cukai		5,263,155	(714,145,995)	1,655,540	(717,001,155)
Percukaian	32	(622,583)	(526,005)	-	-
Lebihan/ (Kurangan) Tahun Semasa		4,640,572	(714,672,000)	1,655,540	(717,001,155)

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asas Penyata Kewangan ini

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

	Nota	Kumpulan Wang Amanah	Kumpulan Wang Pelaburan	Kumpulan Wang Pinjaman	Tabung Amanah Kesihatan	Rizab Penilaian Semula Pelaburan	Lebihan Terkumpul	Jumlah
		RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
KUMPULAN								
Baki pada 1 Januari 2023		7,059,343	152,619,245	18,284,821	-	-	938,265,591	1,116,229,000
- Seperti Dinyatakan Terdahulu								
Pelarasan Tahun Sebelum	35	-	-	-	-	-	18,258,507	18,258,507
Baki pada 1 Januari 2023		7,059,343	152,619,245	18,284,821	-	-	956,524,098	1,134,487,507
- Seperti Dinyatakan Semula								
Lebihan/ (Kurangan) Tahun Semasa		1,343,949	1,916,420	75,806	(44,391,669)	-	(691,875,013)	(732,930,507)
Untung/ (Rugi) Aktuarial		-	-	-	-	-	(301,119)	(301,119)
Pindahan Tahun Semasa		-	-	-	38,207,691	-	(38,207,691)	-
Keuntungan Atas Aset Pelaburan		-	-	-	-	319,527	-	319,527
Baki pada 31 Disember 2023		8,403,292	154,535,665	18,360,627	(6,183,978)	319,527	226,140,275	401,575,408
Lebihan/ (Kurangan) Tahun Semasa		820,620	21,395	87,304	(55,113,099)	-	58,824,352	4,640,572
Pindahan Tahun Semasa	22	-	-	-	55,200,000	-	(55,200,000)	-
Keuntungan Atas Aset Pelaburan		-	-	-	-	556,501	-	556,501
Baki pada 31 Disember 2024		9,223,912	154,557,060	18,447,931	(6,097,077)	876,028	229,764,627	406,772,481
LHDNM								
Baki pada 1 Januari 2023		7,059,343	152,619,245	18,284,821	-	-	837,173,381	1,015,136,790
- Seperti Dinyatakan Terdahulu								
Pelarasan Tahun Sebelum	35	-	-	-	-	-	18,258,507	18,258,507
Baki pada 1 Januari 2023		7,059,343	152,619,245	18,284,821	-	-	855,431,888	1,033,395,297
- Seperti Dinyatakan Semula								
Lebihan/ (Kurangan) Tahun Semasa		1,343,949	1,916,420	75,806	(44,391,669)	-	(694,204,168)	(735,259,662)
Untung/ (Rugi) Aktuarial		-	-	-	-	-	(301,119)	(301,119)
Pindahan Tahun Semasa		-	-	-	38,207,691	-	(38,207,691)	-

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

Nota	Kumpulan Wang Amanah	Kumpulan Wang Pelaburan	Kumpulan Wang Pinjaman	Tabung Amanah Kesihatan	Rizab Penilaian Semula Pelaburan	Lebihan Terkumpul	Jumlah
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Baki pada 31 Disember 2023	8,403,292	154,535,665	18,360,627	(6,183,978)	-	122,718,910	297,834,516
Lebihan/ (Kurangan) Tahun Semasa	820,620	21,395	87,304	(55,113,099)	-	55,839,320	1,655,540
Pindahan Tahun Semasa	-	-	-	55,200,000	-	(55,200,000)	-
Baki pada 31 Disember 2024	9,223,912	154,557,060	18,447,931	(6,097,077)	-	123,358,230	299,490,056

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asas Penyata Kewangan ini

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

	Nota	KUMPULAN		LHDNM	
		2024	2023	2024	2023
		RM	RM	RM	RM
			Seperti Dinyatakan Semula		Seperti Dinyatakan Semula
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI					
Lebihan/ (Kurangan) Sebelum Cukai		5,263,155	(714,145,995)	1,655,540	(717,001,155)
Pelarasan Item Bukan Tunai dan Bukan Operasi:					
Pendapatan dari Pelaburan dan Pinjaman		(26,184,123)	(34,753,957)	(19,819,928)	(29,689,650)
Pemberian Khas Kerajaan Persekutuan		(70,000,000)	(55,000,000)	(70,000,000)	(55,000,000)
Pelunasan Geran Khas Kumpulan Wang Pembangunan		-	(5,781,981)	-	(5,781,981)
(Untung)/ Rugi Pelupusan Aset		266,296	(175,535)	266,296	(175,535)
Kos Kewangan		6,175,463	4,045,240	6,175,463	4,045,240
Peruntukan Manfaat Pekerja		221,293,895	215,247,006	221,293,895	215,247,006
Peruntukan Kos Pekerja		342,000,000	227,019,040	342,000,000	227,019,040
Susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan		77,692,331	64,042,550	77,692,331	64,042,550
Susutnilai Aset Tak Ketara		44,519,775	44,106,506	44,519,775	44,106,506
Sumbangan Berbentuk Aset		(32,405)	(2,095,863)	(32,405)	(2,095,863)
Pelarasan/ Pengklasifikasian Semula Aset		(39,231)	-	(39,231)	-
Penyahiktirafan Aset		-	70,419,930	-	70,419,930
Perubahan Sebelum Modal Kerja		600,955,156	(187,073,059)	603,711,736	(184,863,912)
Perubahan Pembiayaan Pekerja		26,536	(430,571)	26,536	(430,571)
Perubahan Pelbagai Penghutang, Wang Cagaran dan Bayaran Pendahuluan		(713,583,752)	379,848,695	(714,371,337)	379,542,936
Perubahan Pelbagai Pemiutang, Peruntukan dan Deposit		(442,634,036)	(431,456,115)	(443,209,150)	(431,532,923)
Perubahan Manfaat Pekerja		(129,906,992)	(139,394,336)	(129,906,992)	(139,394,336)
Pembayaran Cukai		(964,641)	-	-	-
Aliran Tunai Bersih (Digunakan Untuk) Aktiviti Operasi		(686,107,729)	(378,505,386)	(683,749,207)	(376,678,806)

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asas Penyata Kewangan ini

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

	Nota	KUMPULAN		LHDNM	
		2024	2023	2024	2023
		RM	RM	RM	RM
			Seperti Dinyatakan Semula		Seperti Dinyatakan Semula
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN					
Penambahan Hartanah, Loji dan Peralatan		(3,841,358)	(89,039,182)	(3,841,358)	(89,039,182)
Penambahan Aset Tak Ketara		(412,040)	(132,000)	(412,040)	(132,000)
Penambahan Kerja Dalam Kemajuan		(124,400,362)	(22,453,823)	(124,400,362)	(22,453,823)
Terimaan Daripada Pelupusan Hartanah, Loji dan Peralatan		252,705	186,917	252,705	186,917
Pendapatan Dari Pelaburan Diterima		25,548,833	32,119,779	19,786,065	27,782,862
Pembelian Atas Pelaburan		(1,910,040)	(16,704,159)	-	-
Aliran Tunai Bersih (Digunakan Untuk) Aktiviti Pelaburan		(104,762,262)	(96,022,468)	(108,614,990)	(83,655,226)
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PEMBIAYAAN					
Pemberian Khas Kerajaan Persekutuan Diterima		70,000,000	55,000,000	70,000,000	55,000,000
Faedah Dibayar		(6,175,463)	(4,045,240)	(6,175,463)	(4,045,240)
Perubahan Bersih Pinjaman Berjangka		57,780,753	(16,015,000)	57,780,753	(16,015,000)
Aliran Tunai Bersih Dijana Dari Aktiviti Pembiayaan		121,605,290	34,939,760	121,605,290	34,939,760
(Pengurangan) Bersih Tunai Tunai Dan Kesetaraan Tunai Pada Awal Tahun		(669,264,701)	(439,588,094)	(670,758,907)	(425,394,272)
		767,005,426	1,206,593,520	689,552,059	1,114,946,331
Tunai Dan Kesetaraan Tunai Pada Akhir Tahun	13	97,740,725	767,005,426	18,793,152	689,552,059

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asas Penyata Kewangan ini

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

	AMAUN BAJET		AMAUN SEBENAR	VARIAN *	
	Asal	Akhir		RM	%
	RM	RM	RM		
TERIMAAN					
Fi Agensi	3,645,501,775	3,419,018,078	1,560,000,000	(1,859,018,078)	(54.38)
Sumbangan Tunai Rahmah (STR)	70,000,000	70,000,000	70,000,000	-	-
Hasil Pelaburan	20,000,000	20,000,000	19,819,928	(180,072)	(0.90)
JUMLAH TERIMAAN	3,735,501,775	3,509,018,078	1,649,819,928	(1,859,198,150)	(52.99)
PERBELANJAAN OPERASI					
Emolumen	1,807,510,710	1,973,921,210	1,916,321,214	57,599,996	2.92
Perkhidmatan dan Bekalan	562,182,300	582,399,080	451,654,973	130,744,107	22.45
Aset	3,000,000	2,695,120	1,572,401	1,122,719	41.66
Pemberian dan Bayaran Tetap	217,650,600	197,368,300	173,848,734	23,519,566	11.92
Bayaran Lain	67,300,000	68,444,100	65,783,382	2,660,718	3.89
Jumlah Perbelanjaan Operasi	2,657,643,610	2,824,827,810	2,609,180,704	215,647,106	7.64
PERBELANJAAN MODAL					
Projek Bangunan Pejabat	47,868,700	47,868,700	20,267,008	27,601,692	57.67
Projek Sistem Pengkomputeran	162,911,950	163,921,950	128,776,670	35,145,280	21.44
Jumlah Perbelanjaan Modal	210,780,650	211,790,650	149,043,678	62,746,972	29.63
SUMBANGAN TUNAI RAHMAH (STR)					
Emolumen	30,000,000	30,000,000	25,503,547	4,496,453	14.99
Selain Emolumen	40,000,000	40,000,000	38,881,199	1,118,801	2.80
Jumlah Perbelanjaan STR	70,000,000	70,000,000	64,384,746	5,615,254	8.03
JUMLAH PERBELANJAAN	2,938,424,260	3,106,618,460	2,822,609,128	284,009,332	9.14
LEBIHAN/ (KURANGAN)	797,077,515	402,399,618	(1,172,789,200)	(2,143,207,482)	(532.61)

* Varian merujuk kepada perbezaan di antara amaun bajet akhir dan amaun bajet sebenar.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

i) Perbezaan Di Antara Bajet Asal Dan Bajet Akhir

Peningkatan di dalam jumlah bajet akhir adalah disebabkan oleh tambahan peruntukan bagi Imbuan Tahunan yang telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan Malaysia berdasarkan prestasi pegawai dan kedudukan kewangan LHDNM pada tahun 2024 dan juga perbelanjaan tambahan yang diluluskan oleh Mesyuarat Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (MLHDNM) bagi peruntukan Modal ICT Sistem Pengkomputeran pada tahun 2024.

ii) Justifikasi Ke Atas Varian Yang Signifikan

a) Terimaan

Fi Agensi

Amaun sebenar Fi Agensi adalah jumlah tunai yang diserahkan oleh MOF kepada LHDNM berbanding jumlah yang sepatutnya diterima berdasarkan 1.85% dari unjuran hasil Kutipan Cukai Langsung Kasar.

b) Perbelanjaan

i. Perkhidmatan dan Bekalan

Pengurangan ke atas perbelanjaan Perkhidmatan dan Bekalan adalah disebabkan oleh pengawalan ke atas perbelanjaan agar selari dengan kedudukan tunai semasa LHDNM. Selain itu, satu strategi kawalan peruntukan dengan penekanan kepada keperluan perbelanjaan secara berhemah juga telah dikeluarkan pada tahun 2024 bagi menyokong arahan yang dikeluarkan oleh Kerajaan berkenaan Perjalanan ke Luar Negara.

ii. Aset

Pengurangan ke atas perbelanjaan Aset disebabkan oleh kelulusan perolehan aset dihadkan kepada perolehan yang bersifat mendesak, kritikal, berisiko tidak dilaksanakan dan yang memenuhi keperluan semasa sahaja.

iii. Projek Bangunan Pejabat dan Projek Sistem Pengkomputeran

Pengurangan ke atas perbelanjaan bagi projek bangunan pejabat dan projek sistem pengkomputeran berbanding bajet asal adalah disebabkan pelarasan dan penyusunan semula pelaksanaan projek-projek. Pelarasan semula pelaksanaan ini perlu dilaksanakan bagi mengimbangi perbelanjaan dan kedudukan tunai semasa LHDNM.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

1. MAKLUMAT AM

1.1 Akta Berkaitan dan Fungsi

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) telah ditubuhkan pada 1 Mac 1996 di bawah Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995 (Akta 533).

LHDNM adalah ejen kepada Kerajaan yang memberi perkhidmatan dalam pentadbiran, penaksiran, pemungutan dan penguatkuasaan pembayaran cukai pendapatan, cukai pendapatan petroleum, cukai keuntungan harta tanah, duti setem dan cukai-cukai lain.

Alamat Ibu Pejabat LHDNM adalah di Menara Hasil, Persiaran Rimba Permai, Cyber 8, 63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan.

1.2 Pembentangan dan Pengesahan Penyata Kewangan

Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2024 telah dibentangkan dan disahkan oleh Anggota Lembaga LHDNM pada 15 Mei 2025.

2. DASAR PERAKAUNAN UTAMA

2.1 Asas Penyediaan

i) Penyataan Pematuhan

Penyediaan Penyata Kewangan Kumpulan dan LHDNM disediakan mengikut Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) yang dikeluarkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia.

Penyata Kewangan Yayasan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (YLHDNM) telah disediakan dengan mematuhi Piawaian Laporan Kewangan Malaysia (MFRS), Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa (IFRS) dan Akta Syarikat 2016.

ii) Asas Penyatuan

Penyediaan penyatuan Penyata Kewangan bagi Kumpulan telah mengambilkira semua pelarasan MFRS dan IFRS kepada MPSAS.

Penyata Kewangan yang disatukan adalah merangkumi Penyata Kewangan LHDNM dan entiti yang dikawalinya apabila LHDNM mempunyai kawalan. Kawalan wujud apabila LHDNM mempunyai kuasa untuk mentadbir dasar-dasar kewangan dan operasi sesebuah entiti untuk memperolehi manfaat daripada aktivitinya.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

Penyata Kewangan entiti dikawal disatukan bermula dari tarikh kawalan sehingga tarikh LHDNM berhenti mengawalinya. Sebarang perbezaan di antara perolehan daripada pelupusan entiti dikawal dan nilai bawaan pada tarikh kawalan hilang, adalah diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan disatukan sebagai keuntungan atau kerugian atas pelupusan entiti dikawal.

Semua transaksi dan baki semasa Kumpulan serta keuntungan atau kerugian yang tidak diiktiraf akan dihapuskan di dalam Penyata Kewangan disatukan.

Penyata Kewangan disatukan disediakan menggunakan dasar-dasar perakaunan yang seragam bagi urusan niaga dan peristiwa dan syarat lain dalam keadaan yang sama.

iii) Asas Pengukuran

Penyediaan Penyata Kewangan Kumpulan dan LHDNM menerima pakai asas kelaziman kos sejarah kecuali dinyatakan sebaliknya di dalam dasar-dasar perakaunan yang penting. Manakala bagi penyediaan Penyata Kewangan YLHDNM telah disediakan menggunakan asas kos sejarah kecuali instrumen kewangan yang diukur pada nilai saksama.

iv) Mata Wang Fungsian dan Pembentangan

Penyata Kewangan Kumpulan dan LHDNM dilaporkan dalam Mata Wang Fungsian Ringgit Malaysia (RM) yang merupakan mata wang persekitaran ekonomi utama di mana Kumpulan dan LHDNM beroperasi. Semua maklumat kewangan yang dinyatakan, dibentangkan dalam RM dan dibundarkan kepada ringgit yang terhampir kecuali dinyatakan sebaliknya.

v) Piawaian Yang Telah Dikeluarkan Tetapi Belum Berkuat Kuasa

Tiada piawaian perakaunan yang telah dikeluarkan tetapi belum berkuat kuasa dan diguna pakai awal oleh Kumpulan dan LHDNM di dalam penyediaan Penyata Kewangan ini.

2.2 Hartanah, Loji dan Peralatan

Hartanah, Loji dan Peralatan dengan kos pembelian RM2,000 seunit dan ke atas akan dipermodalkan. Walau bagaimanapun, peralatan seperti permaidani, langsir dan seumpamanya tanpa mengambil kira kos perolehan tidak akan dipermodalkan.

Sesuatu Hartanah, Loji dan Peralatan dengan kos di bawah RM2,000 dicaj kepada Penyata Prestasi Kewangan dalam tahun kewangan ianya dibelanjakan.

Hartanah, Loji dan Peralatan pada awalnya direkod pada kos dan ditolak susut nilai terkumpul dan rosot nilai terkumpul (jika ada).

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

Jika suatu aset diperoleh melalui urus niaga bukan pertukaran, kos hendaklah diukur berdasarkan kepada nilai saksama pada tarikh perolehan. Aset-aset ini kemudiannya akan dikreditkan di dalam Penyata Prestasi Kewangan, melainkan jika terdapat syarat-syarat mengenai penggunaan aset tersebut yang mana ia perlu diiktiraf di dalam liabiliti terlebih dahulu sehingga syarat-syarat tersebut dipenuhi.

Kos selepas perolehan adalah termasuk dalam nilai buku bersih atau diiktiraf sebagai aset yang berasingan mengikut kesesuaian, sekiranya aset tersebut mempunyai manfaat ekonomi masa akan datang atau potensi perkhidmatan kepada Kumpulan dan LHDNM dan kos tersebut dapat diukur secara pasti.

Kos pengubahsuaian bangunan pejabat selain daripada kos yang membentuk Aset Alih dan Aset Tak Ketara akan dikelaskan sebagai aset pengubahsuaian sekiranya kos tersebut melebihi RM20,000.

Semua perbelanjaan baik pulih dan penyelenggaraan dicaj kepada Penyata Prestasi Kewangan dalam tahun kewangan ianya berlaku. Untung atau rugi yang timbul daripada pelupusan Hartanah, Loji dan Peralatan diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan dalam tempoh urus niaga berlaku. Untung atau rugi ditentukan apabila terdapat perbezaan di antara penerimaan bersih dengan nilai dibawa.

Semua Hartanah, Loji dan Peralatan disusutnilaikan mengikut kaedah garis lurus berdasarkan anggaran usia penggunaan pada kadar berikut:

Tanah Pajak	Berdasarkan Tempoh Pajak
Bangunan	2%
Pengubahsuaian	20%
Jentera	6.67%
Kenderaan	20%
Peralatan dan Kelengkapan Pejabat	20%
Komputer	33.33%

Tanah Milik Bebas yang mempunyai nilai penggunaan tanpa had tidak disusut nilai. Kerja Dalam Kemajuan juga tidak disusut nilai kerana masih dalam peringkat Pembangunan.

Pada setiap tarikh Penyata Kedudukan Kewangan, nilai baki bersih dan usia penggunaan aset akan disemak dan diselaraskan jika bersesuaian dan aset perlu disemak sama ada terdapat petunjuk rosot nilai.

2.3 Aset Tak Ketara

Aset Tak Ketara diiktiraf apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada Kumpulan dan LHDNM dan kos atau nilai saksama aset boleh diukur dengan pasti.

Aset Tak Ketara yang diperoleh melalui urusniaga pertukaran adalah diukur berdasarkan kos pada awalnya manakala aset yang diperolehi melalui urus

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

niaga bukan pertukaran akan diukur berdasarkan nilai saksama pada tarikh perolehan. Selepas itu, Aset Tak Ketara diukur pada kos ditolak sebarang pelunasan terkumpul dan sebarang kerugian rosotnilai terkumpul, jika ada. Kos yang berkaitan dengan Aset Tak Ketara yang dijanakan secara dalaman diiktiraf sebagai perbelanjaan.

Sesuatu Aset Tak Ketara itu akan dinilai sama ada terdapat tempoh jangkaan hayat ataupun tidak. Jika Aset Tak Ketara itu tidak mempunyai jangkaan hayat, maka ia tidak perlu dilunaskan tetapi perlu dinilai sama ada perlu dibuat rosotnilai jika terdapat sebarang petunjuk.

Aset Tak Ketara yang terdiri daripada lesen dan perisian akan dipermodalkan dan dilunaskan mengikut kaedah garis lurus berdasarkan anggaran tempoh penggunaan yang dijangka pada kadar 33.33%. Nilai sisa aset dan tempoh usia akan dikaji semula serta pembetulan akan dibuat jika perlu, pada akhir tempoh pelaporan.

Keuntungan atau kerugian atas nyahiktiraf Aset Tak Ketara adalah ditentukan dengan membandingkan nilai pelupusan bersih dengan nilai buku bersih di mana perbezaannya akan diambilkira sebagai keuntungan atau kerugian di dalam Penyata Prestasi Kewangan.

2.4 Rosot Nilai Aset Bukan Kewangan

i) Aset penjana tunai

Pada setiap tarikh Penyata Kedudukan Kewangan, Kumpulan dan LHDNM mengkaji semula nilai dibawa aset-asetnya bagi menentukan sama ada terdapat sebarang petunjuk kemerosotan nilai. Jika wujud sebarang petunjuk, rosotnilai dikira dengan membandingkan nilai dibawa aset dengan amaun boleh pulih. Amaun boleh pulih adalah nilai tertinggi di antara nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan.

Nilai dalam penggunaan ditentukan dengan mendiskaunkan aliran tunai masa hadapan kepada nilai semasanya menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang menggambarkan nilai pasaran semasa nilai masa wang dan risiko khusus kepada aset tersebut. Di dalam menentukan nilai saksama ditolak kos untuk dijual pula, urus niaga pasaran terkini akan diambilkira, jika ada. Jika tiada urus niaga pasaran terkini berlaku, model penilaian yang sesuai hendaklah digunakan.

Dalam menentukan nilai saksama ditolak kos untuk dijual pula, harga aset dalam perjanjian yang mengikat akan dilaraskan bagi menentukan harga pelupusan aset tersebut. Jika tiada perjanjian yang mengikat, tetapi aset tersebut diniagakan di pasaran secara aktif, maka nilai saksama ditolak kos untuk dijual adalah ditentukan dengan merujuk kepada nilai pasaran terkini ditolak kos pelupusan. Jika tiada perjanjian jual yang mengikat atau pasaran aktif bagi aset, Kumpulan dan LHDNM menentukan nilai saksama ditolak kos untuk menjual berdasarkan maklumat yang ada yang terbaik.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

Kerugian kemerosotan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Penyata Prestasi Kewangan serta merta apabila nilai dibawa aset melebihi amaun boleh pulihnya.

Kerugian kemerosotan nilai yang diiktiraf dalam tempoh terdahulu bagi sesuatu aset hendaklah dibalikkan jika, dan hanya jika terdapat perubahan dalam anggaran yang digunakan untuk menentukan amaun boleh pulih. Pembalikan tersebut diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan.

ii) Aset penajaan bukan tunai

